

sekata

JURNAL PENGEMBANGAN DAN PENGAJARAN BAHASA

- * Sekitar Persoalan Kata Majmuk
- * Sebutan Baku Bahasa Melayu
Berdasarkan Prinsip Fonemik
- * Pengaruh Bahasa Inggeris Ke Dalam
Bahasa Melayu
- * Singapura dengan MABBIM

JAWATANKUASA BAHASA MELAYU, SINGAPURA
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN & PENERANGAN

JILID 2 BILANGAN 2
APRIL 1986

ISSN 0217 — 4626
— SYAABAN 1406

**ANGGOTA JAWATANKUASA
BAHASA MELAYU
SINGAPURA**

Haji Sidek Saniff (Pengerusi)
Almuddin Hashim
(Setiausaha Kht.)
Hj Wan Hussin Zoonri
Haji Muhammad Ariff Ahmad
Haji Zainul Abidin Rasheed
Haji Suratman Markasan
Haji Abdul Rahman Tahir
Dr Liaw Yock Fang
Drs Masran Sabran
Kasmadi Haji Nasir
Sardi Shariff
Norulashikin Jamain
Yatiman Yusoff
Ahmad Thani Ahmad
Harun A. Ghani
Mohd Gani Ahmad
Hashim Yusof

SEKATA

Jil 2 — Bil 2 — APRIL 1986

KETUA EDITOR

Suratman Markasan

EDITOR

Muhammad Ariff Ahmad
Mohammad Gani Ahmad

SEKATA diterbitkan setahun dua kali, tiap-tiap bulan Jun dan Disember oleh Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura, Kementerian Perhubungan dan Penerangan, Singapura. Sidang Editor berhak menyunting dan meminda setiap karangan yang diterima tanpa mengubah maksud asalnya. Tulisan yang diterbitkan dalam jurnal ini tidak semestinya merupakan pendapat Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura dan Sidang Editor. Setiap karangan boleh diterbitkan kembali dengan syarat mendapat kebenaran dari Pengerusi JBMS atau Sidang Editor.

Surat-surat boleh dialamatkan kepada :

Setiausaha Kehormat
Jawatankuasa Bahasa Melayu
Singapura,
Kementerian Perhubungan &
Penerangan,
Dewan Bandaraya,
St. Andrew's Road
Singapura 0617.

SEKATA

April 1986 * Syaaban 1406

2 Daripada Editor

Masalah Bahasa

DRS. ALI BUJANG

4 Sekitar Persoalan kata Majmuk

Pengetahuan Bahasa

ASRAF

15 Sebutan Baku Bahasa Melayu Berdasarkan Prinsip Fonemik

Pengajaran Bahasa

ABBAS SHARIFF

29 Pengaruh Bahasa Inggeris Ke Dalam Bahasa Melayu

Berita Bahasa

SURATMAN MARKASAN

35 Sidang Ke 24 Majlis Bahasa Indonesia — Malaysia

MUHAMAD ARIFF AHMAD

38 Singapura Dengan MABBIM

42 Pengumuman

Piagam MABBIM

Sidang ke-24 MBIM (Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia) telah diadakan di Jakarta mulai 4 hingga 8 November 1985. Singapura telah menghantar tiga orang wakil dari JBMS (Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura) untuk menghadiri sidang itu sebagai pemerhati.

Dengan kemasukan Brunei Darussalam menjadi anggota MBIM pada 4 November 1985, nama majlis itu telah dipinda menjadi MABBIM (Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia) dan Sidang ke-24 itu menjadi Sidang MABBIM; bukan Sidang MBIM lagi.

Sambil "menyambut gembira kehadiran Republik Singapura [yang bahasa Melayu adalah salah satu bahasa rasminya] sebagai pemerhati", MABBIM telah menyusun suatu 'Piagam Majlis'¹ yang akan dikemukakan kepada pemerintah masing-masing untuk disahkan dan ditandatangani.

Piagam yang menggariskan tujuan dan fungsi MABBIM dalam usaha mengadakan kerjasama kebahasaan itu disusun secara terbuka untuk membolehkan negara-negara lain yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan/rasmi menjadi anggotanya dan bekerjasama meningkatkan peranan bahasa itu sebagai alat perhubungan yang lebih meluas.

Sebagai negara yang menggunakan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa rasminya dan yang sedang berusaha membina dan menghasilkan pedomam/panduan dan meningkatkan peranan bahasa itu dalam penulisan kreatif dan perhubungan masyarakat, Singapura adalah mempunyai masalah yang sama dengan negara-negara anggota MABBIM itu.

Sejauh ini kita hanya mengikuti perkembangan MBIM itu dari jauh dan mengambil keputusan yang dibuat oleh MBIM itu [misalnya: sistem ejaan, penggunaan istilah dan sebagainya]. Jika terdapat perselisihan pendapat antara Malaysia dengan Indonesia, kita ikut pendapat Malaysia.

Menghantar pemerhati ke Sidang ke-24 MBIM/MABBIM pada bulan November 1985 itu adalah satu tanda yang menunjukkan bahawa Singapura cenderung untuk melibatkan diri dalam kegiatan MBIM/MABBIM [setidak-tidaknya untuk melihat dari dekat].

Memang, sebagai negara yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, kita tidak harus terus menerus mengamalkan apa-apa yang diputuskan oleh MABBIM itu tanpa melibatkan diri sambil memberi apa-apa sumbangan terhadap kegiatan-kegiatan MABBIM.

Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura telah ditubuhkan oleh Pemerintah Singapura untuk melihat dan menyempurnakan penggunaan bahasa Melayu di sini. Oleh kerana itu, adalah bijak jika JBMS diberi peluang bekerjasama dengan Majlis kerjasama kebahasaan serantau itu, terutama dalam bidang-bidang yang sesuai dengan keperluan pengembangan bahasa Melayu di Singapura.

1. Piagam Majlis di siarkan dalam SEKATA keluaran ini.

SEKITAR PERSOALAN KATA MAJMUK

Drs. Ali Bujang

Dalam bahasa Melayu ada sejenis kata yang dinamakan kata majmuk. Ahli-ahli bahasa pada umumnya sependapat bahawa kata majmuk itu terdiri daripada dua atau lebih perkataan. Ciri yang diberikan ini rupa-rupanya tidak dapat menyelesaikan masalah kata majmuk itu kerana kalau hanya dikatakan kata majmuk itu terdiri daripada dua perkataan atau lebih, maka bentuk-bentuk seperti *buaya darat*, *hancur luluh*, *ayam itik* dan lain-lain akan dianggap sebagai kata majmuk juga. Hal ini sangat menyimpang sama sekali.

Oleh yang demikian perlulah diberikan definisi kata majmuk itu dengan lebih khusus lagi. Dengan definisi kata majmuk dengan lebih khusus ini pun, belum tentu lagi masalah yang sering dihadapi iaitu bentuk yang bagaimanakah disebut kata majmuk itu dapat dipisahkan.

Oleh kerana kata majmuk itu dikatakan terdiri lebih daripada satu perkataan, bagaimanakah dapat kita membezakannya dari bentuk-bentuk bahasa yang lain seperti frasa, ungkapan dan konstruksi bahasa yang lain yang masing-masing terdiri lebih daripada satu perkataan.

Di sinilah terletak kesulitan yang besar. Di Kalangan ahli-ahli bahasa sendiri belum ada kata sepakat dalam memberikan ciri-ciri yang boleh dijadikan pegangan untuk menentukan kata bentuk yang dinamakan kata majmuk itu. Ciri-ciri yang mereka kemukakan itu pula menampilkan perbezaan pendapat antara satu sama lain.

Kesulitan yang dihadapi bagi menandai kata majmuk ini diakui sendiri oleh Sutan Takdir Alisjahbana [seorang tokoh bahasa Indonesia/Melayu.] Menurutnya, kata majmuk dalam bahasa Indonesia/Melayu belum ada satu ketentuan yang memuaskan. Bahagian yang paling sulit sekali ialah bagi

menetapkan cirinya. Memberikan batas kata majmuk itu, beliau mengatakan bahawa kata majmuk itu ialah Dua kata yang pengertiannya dianggap sedemikian rapat perhubungannya, sehingga dapat dianggap senyawa dan menjadi satu perkataan.¹

Seterusnya beliau memberikan contoh-contoh kata yang dinamakan kata majmuk itu seperti *rumah sakit*, *mesin terbang*, *mabuk laut*, *laki bini*, *ayam itik* dan *keras kepala*.

Petunjuk kedua yang diberikan oleh Takdir untuk menentukan kata majmuk ialah gatra "yang menerangkan" dalam kata itu tidak jelas ertinya seperti yang terdapat dalam konstruksi *orang gila*. Kata *gila* jelas menerangkan *orang* dalam *orang gila*. Jadi *orang gila* bukan kata majmuk. Tetapi kata *sakit* tidak jelas ertinya dalam konstruksi *rumah sakit*. Jadi menurut Takdir *rumah sakit* ialah kata majmuk.

Seorang ahli bahasa yang lain iaitu Drs. Gorys Keraf dalam memberikan definisi kata majmuk mengatakan kata majmuk itu terdiri dari dua kata atau lebih yang membentuk satu kesatuan erti.² Menurut beliau lagi oleh kerana gabungan itu telah membentuk kesatuan erti, maka struktur tersebut tidak boleh dipisahkan lagi.

Keterangan Drs. Gorys Keraf itu, jelas menunjukkan bahawa struktur kata majmuk itu tidak boleh dipecahkan, yakni tidak boleh diselangi oleh kata lain di antara unsur-unsur yang membentuknya. Antara contoh-contoh yang diberikannya ialah *sapu tangan*, *matahari*, *orang tua*, dan *kakitangan*.

Prof. Dr. Samsuri dalam memberikan keterangan mengenai bentuk kata majmuk dalam bahasa Indonesia/Melayu memberikan dua contoh struktur bahasa seperti di bawah ini:

I	II
(i) sabun mandi	(i) orang mandi
(ii) rumah sakit	(ii) anak sakit
(iii) kaki tangan	(iii) kaki meja

Menurut keterangan beliau, dalam struktur I seperti *sabun mandi*, *rumah sakit* dan *kaki tangan* di antara unsur-unsurnya tidak boleh disisipkan dengan morfem lain, sedangkan dalam struktur II seperti *orang mandi*, *anak sakit* dan *kaki meja*, di antara unsur-unsurnya boleh disisipkan dengan morfem lain sehingga struktur itu boleh menjadi *orang yang mandi*, *anak yang sakit*, *kakinya meja*. Tetapi dalam bentuk struktur I tidak boleh berubah menjadi *sabun yang mandi*, *rumah yang sakit*, dan *kakinya tangan*.

Jadi, menurut beliau kata gabungan seperti dalam struktur I dinamakan

kata majmuk dan kata gabungan seperti dalam struktur II dinamakan frasa.³

Di sini kita dapati bahawa yang menjadi ciri sama ada sesuatu bentuk itu boleh dinamakan kata majmuk atau tidak bergantung kepada gabungan komponen-komponennya. Jika gabungan komponen-komponennya itu membenarkan unsur lain disisipkan di antaranya maka konstruksi tersebut bukanlah kata majmuk, manakala konstruksi gabungan kata yang tidak membenarkan komponen-komponennya disisipkan dengan unsur lain adalah kata majmuk.

Dr. C.A. Mees, seorang sarjana bahasa Indonesia/Melayu, ketika menerangkan mengenai hubungan kata-kata menyatakan bahawa ada kata-kata yang hubungannya sangat erat sehingga tidak dapat dipisahkan lagi gabungannya. Gabungan kata seperti ini menyatakan satu pengertian seperti mesin tulis, sapu tangan, keretapi, tanahair, terima kasih. Tetapi beliau tidak pula menamakan bentuk seperti itu sebagai kata majmuk tetapi menamakannya bentuk persenyawaan.⁴ Hubungan kata-kata seperti ini, menurut beliau, tidak boleh dipisahkan unsur-unsurnya kerana memisahkannya akan menghilangkan erti yang dikandungnya.

Prof. Dr. A.A. Fokker, seorang lagi sarjana bahasa Indonesia/Melayu, mempunyai pandangan yang lain mengenai bentuk yang dinamakan kata majmuk itu. Menurut beliau antara kata majmuk dengan yang bukan kata majmuk tidak dapat dibezakan dengan jelas. Oleh yang demikian beliau mengesyorkan agar istilah kata majmuk itu digantikan sahaja dengan istilah kelompok kata.⁵

Prof. Dr. J.W.M. Verhaar pula, membezakan kata majmuk dengan yang bukan kata majmuk dengan melihat kepada segi urutan katanya. Dalam bahasa Indonesia/Melayu urutan katanya mengikut hukum D-M iaitu kata yang diterangkan mendahului kata yang menerangkan seperti **pisang goreng**, **rumah batu** dan **pasar ikan**; kata yang kemudian ialah kata yang menerangkan kata yang sebelumnya. Tetapi terdapat juga kata-kata yang urutannya dinyatakan dalam bentuk M-D, iaitu bahagian yang menerangkan kata yang terletak di hadapan kata yang diterangkan seperti dalam **bumiputera**, **Perdana Menteri**. Kata beliau, kata-kata yang memakai urutan M-D jelas berbeza dengan kata-kata biasa. Maka beliau menggolongkan kata-kata yang memakai urutan M-D ini ialah kata majmuk.⁶

Suatu tafsiran lagi mengenai kata majmuk diberikan oleh Asmah Hj. Omar yang mengatakan:

"Kata majmuk adalah kata yang mempunyai unsur-unsur yang terdiri

dari morfem bebas atau partikel yang perwujudan fonologinya berbeza satu sama lain dan unsur-unsur itu bertindak sebagai satu satuan (unit) dalam struktur ayat tertentu."⁷

Menurut keterangan Asmah lagi unsur-unsur dalam kata majmuk itu boleh diikat dengan menggunakan imbuhan yang dinamakan ikatan kentara dan boleh juga dengan tidak menggunakan sebarang imbuhan yang dinamakan ikatan tersembunyi. Antara contoh-contoh kata majmuk yang tidak menggunakan ikatan imbuhan yang diberikannya ialah seperti **matahari**, **bumiputera**, **warganegara** dan **temuduga**, manakala kata majmuk yang diwujudkan dengan menggunakan ikatan imbuhan-imbuhan ialah seperti **bersatupadu**, **sebarluaskan**, **disalahtempatkan** dan **ketidakjujuran**.

Definisi yang diberikan oleh Asmah Hj. Omar mengenai kata majmuk itu nyatalah agak berlainan dengan definisi sarjana-sarjana yang lain dalam menentukan bentuk kata majmuk. Yang ada persamaan tafsiran beliau hanyalah bentuk yang menurutnya tidak memakai ikatan imbuhan seperti **matahari**, **bumiputera** dan **temuduga** yang dapat diterima sebagai kata majmuk, manakala bentuk-bentuk seperti **sebarluaskan**, **bersatupadu**, **disalahtempatkan** dan **ketidakjujuran** haruslah ditolak kerana bentuk-bentuk tersebut lebih menampakkan ciri sebagai kata kompleks.

Seorang lagi ahli bahasa yang ingin kami petik pendapatnya mengenai kata majmuk ini ialah Arbak Othman. Di dalam bukunya *Permulaan Ilmu Linguistik*⁸ beliau menerangkan bahawa kata majmuk itu ialah perkataan yang terdiri daripada dua bentuk atau morfem bebas seperti **suratkhabar**, **titikberat** dan **rumahsakit**. Pendapat beliau ini disokong oleh pendapat Aishah Mahadi yang juga mengatakan kata majmuk itu dibentuk daripada morfem bebas yang jumlahnya lebih dari satu. Dalam pada itu, Aishah Mahadi menegaskan lagi bahawa gabungan kata yang membentuk kata majmuk itu tidak boleh disisipkan dengan kata tugas di antaranya.⁹

Abdullah Hassan pula, memberikan tafsiran yang berlainan mengenai pembentukan kata majmuk ini. Menurut beliau: salah satu komponen kata majmuk itu boleh terdiri dari bentuk terikat. Oleh yang demikian beliau mengatakan bentuk-bentuk seperti **mahasiswa**, **mahaguru** adalah kata majmuk.¹⁰

Dalam usaha kita mencari definisi dan ciri kata majmuk, baik kita tinjau pendapat dan tafsiran beberapa orang tokoh-tokoh bahasa lagi. Antaranya ialah pendapat Dr. J.S. Badudu. Dalam memberikan ciri kata majmuk itu beliau mengatakan bahawa komponen dalam kata majmuk terdiri dari beberapa unsur langsung, baik yang bebas maupun yang terikat. Ciri kedua yang diberikan oleh beliau ialah di antara kedua komponennya itu tidak boleh disisipkan dengan unsur lain. Dan ciri ketiga, menurut beliau, jika

diberikan keterangan, fungsi keterangan itu ialah untuk mengukuhkan komponennya kerana kedua-dua komponennya itu merupakan kesatuan yang tidak boleh dipisahkan lagi.¹¹

Prof. Dr. Slametmuljana seorang lagi tokoh bahasa dalam memberikan definisi kata majmuk itu menerangkan bahawa kata majmuk itu ialah dua patah kata atau lebih yang berangkai dan merupakan kata baru serta menyatakan satu pengertian.¹² Mengenai unsur-unsur yang membentuk kata majmuk itu, beliau menjelaskan bahasa unsur-unsur tersebut berpadu erat dan tidak boleh dipisahkan lagi seperti yang terdapat dalam tanah air, mata air dan kaca mata. Selain tidak boleh dipisahkan antara unsur-unsurnya sebagai ciri kata majmuk, ada sejenis lagi gabungan kata yang dianggap beliau sebagai kata majmuk juga kerana gabungan itu menyatakan satu pengertian seperti yang terdapat pada ayam itik, hancur luluh, laki bini, adik kakak, dunia akhirat dan lain-lain lagi.

Demikianlah sebahagian daripada pendapat-pendapat beberapa orang sarjana dan ahli bahasa mengenai kata majmuk yang dapat kami sorot sebagai perbandingan. Pada umumnya mereka sependapat mengatakan adanya bentuk yang dinamakan kata majmuk dalam bahasa Melayu/Indonesia. Tetapi mereka masih berbeza dalam memberikan takrif dan cirinya. Dengan adanya berbagai takrif dan definisi kata majmuk itu, maka timbul pula kekeliruan bagi mengenalpasti sesuatu bentuk itu sama ada kata majmuk atau bukan.

Sekarang akan kami mulai membahaskan beberapa pendapat mengenai kata majmuk yang telah diberikan oleh beberapa orang tokoh bahasa yang di atas tadi.

Salah satu ciri yang sering dijadikan panduan bagi mengenai kata majmuk itu ialah komponen-komponen yang membentuknya tidak boleh dipisahkan atau pun disisipkan dengan unsur lain. Sebagai contoh rumah sakit, kapal terbang, kedai makan, bilik mandi adalah kata majmuk kerana tidak boleh dipisahkan oleh unsur lain di antara komponennya. Jika dilakukan penyisipan seperti rumah yang sakit, kedai yang makan, bilik yang mandi, kapal yang terbang akan merosakkan erti yang dikandungnya.

Jika diamati sebenarnya konstruksi seperti itu boleh mengalami penyisipan juga dengan tidak mengubah sedikit pun maknanya. Konstruksi semacam ini sama ertinya dengan rumah tempat orang sakit, kapal yang boleh terbang, kedai tempat makan, bilik untuk orang mandi.

Oleh yang demikian bentuk-bentuk seperti ini haruslah tidak digolongkan sebagai kata majmuk kerana bentuk seperti ini sebenarnya sebuah frasa yang digugurkan sebahagian konstruksi gramatikalnya.¹³ Menghilangkan sebahagian konstruksi gramatikal dari sebuah frasa sering dilakukan dalam bahasa kita.

Dan kita sering tergoda untuk menamakan bentuk-bentuk seperti itu sebagai kata majmuk. Perhatikanlah contoh-contoh di bawah ini di mana konstruksi gramatikal dari sebuah frasa itu sering digugurkan:

alat untuk menulis	menjadi	alatulis
meja tempat menulis	menjadi	meja tulis
kerusi untuk bermalas-malas	menjadi	kerusi malas
kapal untuk mengorek	menjadi	kapal korek
padang tempat menembak	menjadi	padang tembak
sabun untuk mandi	menjadi	sabun mandi
sekolah untuk anak-anak pekak	menjadi	sekolah pekak
hospital untuk orang-orang gila	menjadi	hospital gila
bilik untuk menyimpan mayat	menjadi	bilik mayat

Pada hari ini dapat dilihat kecenderungan bukan sahaja menghilangkan konstruksi gramatikal sebuah frasa tetapi juga penghilangan fonem yang sama pada kata yang digabungkan seperti alatulis, gambarajah, tengahari, bandaraya, dan keretapi. Kesemuanya yang ditulis bergabung itu sering dianggap sebagai kata majmuk. Padahal bentuk-bentuk tersebut bukan kata majmuk tetapi ialah kata gabungan.

Jadi, untuk mengatakan sebuah kata majmuk itu ialah sebuah konstruksi bahasa yang tidak boleh disisipkan dengan unsur lain sebagai cirinya adalah sangat mengelirukan dan seharusnya dihindarkan sama sekali kerana cara ini belum tentu akan dapat membezakan kata majmuk dengan yang bukan kata majmuk.

Satu ciri lagi yang sering digunakan untuk mengenal kata majmuk itu ialah gabungan tersebut dikatakan membawa atau mengandungi satu pengertian. Sebagai contoh konstruksi seperti ayam itik, laki bini, makan minum, ilmu pengetahuan, arif bijaksana, tua muda, soal jawab dinamakan kata majmuk kerana ia membawa atau mengandungi satu pengertian. Jika dilihat dari sudut semantik konstruksi semacam itu tidak ada membawa satu pengertian seperti yang disangkakan. Ayam itik masih membawa makna ayam dan itik, laki bini masih membawa erti laki dan bini. Hal ini akan lebih menjadi jelas jika digunakan dalam ayat-ayat di bawah ini:

1. Sudah seminggu lamanya Salim dan Zainab menjadi laki bini.
2. Pak Mat hidup atas hasil jualan ayam itiknya.
3. Semua makan minumannya sudah tersaji di atas meja.

4. Segala ilmu pengetahuan dicurahkan kepada anaknya.
5. Orangnyapun sungguh arif bijaksana.
6. Tidak kira tua muda, semuanya diperintahkan keluar.
7. Kedua-dua pihak tidak mahu mengalah, mereka masih bersoal jawab.

Melalui ayat-ayat di atas jelas menunjukkan bahawa tiap unsur gabungan kata semacam itu masih mempunyai erti sendiri dan tidak membawa atau mengandungi satu pengertian baru yang dihasilkan oleh gabungan tersebut. Oleh yang demikian gabungan kata semacam itu sebenarnya bukanlah kata majmuk, melainkan sebuah konstruksi parataksis yang digugurkan kata penghubungnya sebagai berikut:

1. laki bini	sama	laki dan bini
2. ayam itik	sama	ayam dan itik
3. soal jawab	sama	soal dan jawab
4. tua muda	sama	tua dan muda
5. arif bijaksana	sama	arif dan bijaksana
6. ilmu pengetahuan	sama	ilmu dan pengetahuan
7. makan minum	sama	makan dan minum

Menurut keterangan Lutfi Abas konstruksi parataksis itu ialah dua kata (atau dua frasa atau dua ayat) yang digabungkan tanpa kata penghubung.¹⁴ Jadi, jelas menunjukkan kata-kata seperti yang di atas dan juga kata-kata seperti ibu bapa, hancur luluh, dunia akhirat dan seumpamanya lagi yang selama ini dikatakan sebagai kata majmuk sebenarnya bukanlah kata majmuk tetapi sebuah konstruksi parataksis yang digugurkan kata penghubungnya.

Ada pula gabungan kata yang apabila bergabung setiap unsurnya akan hilang erti peribadinya kerana mengungkapkan atau melahirkan satu konsep yang baru. Gabungan kata semacam ini terdapat dalam konstruksi seperti tanahair, rumahtangga, kakitangan, bukukerja, tanggungjawab dan sebagainya. Konstruksi gabungan kata seperti ini jelas kehilangan erti peribadi setiap komponennya setelah bergabung. Apabila dikatakan tanahair, di sini tidak ada lagi erti tanah dan tidak ada erti air sebagaimana yang kita difahami dalam kehidupan sehari-hari. Konstruksi gabungan tersebut menyatakan satu pengertian baru yang dapat ditangkap dalam pemakaian ayat:

1. Orang-orang pelarian itu akan dihantar pulang ke tanahair mereka.

Demikian juga dengan konstruksi rumahtangga hilang erti peribadinya setelah bergabung seperti yang dapat dijelaskan dalam ayat:

2. Ahmad dan Suzana sudah mendirikan rumahtangga.

Konstruksi-konstruksi gabungan kata di bawah ini juga hilang makna peribadinya setelah bergabung lalu melahirkan satu pengertian baru atau satu konsep yang dapat dilihat melalui ayat-ayat di bawah ini:

3. Semua kakitangan masuk bekerja pada pukul 8.00 pagi.
4. Wajahnya bertambah manis dengan adanya tahi lalat di pipinya.
5. Dikesat peluhnya dengan sapu tangan.
6. Kanak-kanak suka makan mata kucing.
7. Apabila ia tersenyum kelihatan lesung pipitnya.

Dalam konstruksi gabungan kata di atas setiap unsurnya berfungsi bagi melahirkan satu pengertian atau satu konsep yang baru. Dalam hal ini erti peribadi setiap unsurnya tidak lagi dipentingkan; yang dipentingkan ialah makna atau konsep baru yang dilahirkan oleh konstruksi itu. Konstruksi gabungan kata yang unsur-unsurnya kehilangan makna peribadinya untuk mengungkapkan erti atau konsep baru inilah yang seharusnya diberikan status kata majmuk.

Di sini agak jelas perbezaan antara sebuah kata majmuk dengan yang bukan kata majmuk. Struktur kata majmuk itu tidak boleh dipisahkan; jika dipisahkan makna baru atau konsep baru yang dijelmakan itu akan hilang dan masing-masing unsurnya akan kembali kepada erti peribadinya. Di sinilah terletak perbezaan kata majmuk dengan frasa kerana sebuah frasa boleh dipecahkan strukturnya dengan tidak mengacau maknanya. Sebuah kata majmuk tidak ada bahagian gramatikalnya yang dihilangkan seperti yang terdapat pada parataksis. Di sinilah perbezaan kedua-dua bentuk tersebut dengan kata majmuk.

Pada umumnya, semua kata majmuk terbentuk mengikut hukum D-M. Tetapi ada juga kata majmuk yang berasal dari bahasa asing yang terbentuk dengan cara M-D seperti Perdana Menteri, bumiputera yang jumlahnya amat terbatas.

Ada pula ahli bahasa yang menggolongkan kata-kata seperti ketidakjujuran, disalahtempatkan, memutarbelitkan, memecahbelahkan dan seumpamanya sebagai kata majmuk juga.¹⁵ Sebenarnya kata tersebut berasal daripada frasa tidak jujur, salah tempat, putar belit, pecah belah yang masing-masing mendapat imbuhan. Dari segi makna tidak ada bezanya antara tidak jujur dengan ketidakjujuran, salah tempat dengan disalahtempatkan, putar belit dengan memutarbelitkan, pecah belah dengan memecahbelahkan dan begitu juga yang lain-lainnya. Dari segi bentuknya pula lebih merupakan bentuk

kata kompleks kerana ketidakjujuran, disalahtempatkan, memutarbelitkan dan seumpamanya itu bentuk yang mengandungi stem dan imbuhan yang merupakan ciri bagi kata kompleks.

Stem	Kata Kompleks
1. tidak jujur	ketidakjujuran
2. salah tempat	disalahtempatkan
3. satu padu	bersatupadu
4. salah tafsir	disalahtafsirkan
5. adu domba	mengadudombakan

Oleh yang demikian kata-kata seperti itu bukanlah kata majmuk tetapi kata kompleks. Ini tidak pula bermakna kata majmuk tidak boleh dikenakan imbuhan. Pengimbuhan pada kata majmuk samalah seperti mengimbuhi pada kata-kata biasa seperti kami bertanahairkan Singapura dan sebagainya.

Dalam perkembangannya, bahasa Melayu banyak menerima kemasukan imbuhan-imbuhan baru yang berasal dari bahasa asing selain daripada imbuhan yang sedia ada. Pemakaian imbuhan-imbuhan asing itu diterima oleh bahasa Melayu disamping imbuhan yang ada kerana diperlukan bagi mengungkapkan sesuatu konsep dengan lebih mudah. Contoh-contoh imbuhan asing yang telah diterima pemakaiannya dalam bahasa kita dengan meluas dan sudah tidak terasa asing lagi bagi kita adalah seperti di bawah ini:

pra:	prasejarah, pranonton
maha:	mahasiswa, maharaja
tata:	tatabahasa, tatasusila
juru:	jurugambar, juruhebah
eka:	ekabahasa
dwi:	dwibahasa

Ada antara imbuhan asing itu seperti maha, tata, dan juru sangat produktif penggunaannya dalam pembentukan kata-kata bahasa Melayu. Sehingga ada pula ahli bahasa yang menggolongkan kata-kata seperti maharaja, mahasiswa, tatabahasa, jurutulis dan seumpamanya sebagai kata majmuk. Anggapan ini terpaksa kita tolak kerana kata-kata tersebut mempunyai stem dan imbuhan dalam proses pembentukannya dan lebih merupakan kata kompleks.

Kita telah dapat melihat terdapatnya berbagai perbezaan tafsiran dan definisi bagi menentukan kata majmuk dalam bahasa Melayu. Setiap ahli

bahasa mengemukakan ciri yang tersendiri bagi menentukan kata majmuk itu, sehingga terjadi kekecohan dan kekeliruan di kalangan pengguna bahasa. Oleh kerana ukurtara yang digunakan bagi menentukan kata majmuk itu tidak sama antara satu dengan yang lain maka terjadilah perbezaan dalam memberikan contoh-contoh yang dikatakan kata majmuk itu. Satu pihak mengatakan rumah sakit, kapal terbang, ayam itik sebagai kata majmuk, manakala pihak yang lain pula menolaknya. Masing-masing dengan alasannya tersendiri. Yang menyulitkan mereka menentukan kata majmuk atau bukan kata majmuk ialah setiap bentuk kata tersebut terdiri dari lebih dari satu kata.

Untuk menyatakan sesuatu bentuk itu sama ada kata majmuk atau bukan, pertama-tama ia haruslah dapat dibezakan dengan bentuk-bentuk yang lain. Dari segi bentuk kata kita mengalami kesukaran untuk membezakan antara kata majmuk dengan frasa, parataksis dan lain-lain kerana masing-masing terdiri dari lebih dari pada satu kata. Satu-satunya hal yang dapat menolong kita menentukan kata majmuk atau bukan ialah semantiknya. Sesuatu bentuk itu dapat dinamakan kata majmuk sekiranya erti peribadi setiap unsur dalam gabungan itu hilang atau mundur bagi menonjolkan erti baru yang dikandungnya. Erti baru ini merupakan satu konsep atau satu pengertian seperti olahraga, kuatkuasa, kertaskerja, warganegara dan seumpamanya. Bentuk yang bukan kata majmuk ialah gabungan kata yang setiap unsurnya masih menampakkan atau mengekalkan erti peribadinya dalam gabungan tersebut seperti dalam kerjasama, peguambela, aturcara dan seumpamanya.

Akhirnya kami ingin menegaskan bahawa kita tidak perlu meragukan adanya kata majmuk dalam bahasa Melayu. Proses pembentukannya jelas iaitu melalui proses morfologi. Dan maknanya terjelma melalui gabungan unsur-unsur yang membentuknya. Dalam mendukung pengertian baru ini, erti peribadi setiap unsurnya akan hilang atau kurang dipentingkan kerana pengertian yang baru itu lebih menonjol.

Rujukan:

1. Abdullah Hassan, Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1980
2. S.T. Alisjahbana, Tatabahasa Baru Bahasa Indonesia, Penerbitan Dian Rakyat, 1978
3. Arbak Othman, Permulaan Ilmu Linguistik, Sarjana Enterprise, Kuala Lumpur, 1983

4. Asmah Hj. Omar, *Nahu Melayu Mutakhir*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980
5. J. S. Badudu, *Membina Bahasa Indonesia Baku*, Seri 2, Pustaka Prima, Bandung, 1980
6. Gorys Keraf, *Tatabahasa Indonesia*, Nusa Indah, 1980
7. Dr. Slametmuljana, *Kaidah Bahasa Indonesia*, Nusa Indah, 1969
8. Prof. Dr. C.A. Mees, *Tatabahasa Dan Tatakalimat*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1978
9. Prof. Dr. Samsuri, *Analisa Bahasa*, Penerbitan Erlangga-Jakarta, 1978.

1. Sultan Takdir Alisjahbana, *Tatabahasa Baru Bahasa Indonesia*, Jilid 1, Dian Rakyat, 1977, hal. 68
2. Gorys Keraf, *Tatabahasa Indonesia*, Nusa Indah, 1978, hal. 138
3. Prof. Dr. Samsuri, *Analisa Bahasa*, Erlangga, Jakarta, 1978, hal. 199
4. C.A. Mees, *Tatabahasa dan Tatakalimat*, Universiti Malaya Press, Kuala Lumpur, 1969, hal. 63
5. Prof. Dr. A.A. Fokker, *Pengantar Sintaksis Indonesia*, Cetakan ke-4, Pradnya Paramita, Jakarta, 1980, hal. 172
6. Prof. Dr. J.W.M. Verhaar, *Pengantar Linguistik*, Jilid Pertama, Gajah Mada University Press, 1977, hal. 54
7. Asmah Hj. Omar, *Kata Majmuk*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jilid 24, bil. 5, Mei 1980
8. Arbak Othman, *Permulaan Ilmu Linguistik*, Sarjana Enterprise, Kuala Lumpur, 1983, hal. 108
9. Aishah Mahadi, *Kata Majmuk Dalam Bahasa Malaysia Hari Ini*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jilid 22, bil. 6, Jun 1978
10. Abdullah Hassan, *Linguistik Am Untuk Guru-Guru Bahasa Malaysia*, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1980, hal. 157
11. J.S. Badudu, *Adakah Kata Majmuk Dalam Bahasa Indonesia?* Dalam Bunga Rampai Ilmu Sastra, Universitas Pandjajaran, 1978
12. Prof. Dr. Slametmuljana, *Kaidah Bahasa Indonesia*, Nusa Indah Ende Flores, 1969, hal. 260-262
13. Harimurti Kridalaksana, *Kata Majmuk A+B # AB*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jilid 25, bil. 2, Feb. 1981, hal. 12-13
14. Lutfi Abas, *Kata Majmuk*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jilid 26, November 1982, hal. 919
15. Asmah Hj. Omar, *Kata Majmuk*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jilid 24, bil. 5, Mei 1980, hal. 12-13

Pengetahuan Bahasa

SEBUTAN BAKU BAHASA MELAYU BERDASARKAN PRINSIP FONEMIK *

Asraf

Menurut pandangan umum selama ini, bahasa Melayu baku berasal daripada dialek atau logat Riau-Johor. Pandangan umum ini didasarkan pada kenyataan bahawa sebahagian besar karya-karya Melayu lama muncul di daerah Riau dan Johor. Salah satu contoh karya sastra Melayu yang agung ialah *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* yang ditulis di Johor oleh Tun Seri Lanang. Pola-pola ayat Melayu yang terdapat dalam *Sejarah Melayu* itu dianggap sebagai pola-pola ayat Melayu baku yang hingga sekarang masih, tetap menjadi teras bahasa Melayu itu. Jadi, pandangan umum tentang bahasa Melayu Riau-Johor sebagai dasar bahasa Melayu baku masih dapat dipertahankan.

Oleh sebab bahasa Melayu baku berasal daripada logat Riau-Johor, maka sebutan orang-orang Melayu yang berlogat Riau-Johor itu pun dianggap umum sebagai sebutan baku bahasa Melayu juga. Dengan adanya anggapan ini, maka orang-orang Melayu dari daerah-daerah lain seperti Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka berusaha mengubah sebutan yang menjadi kebiasaannya di tempat-tempat itu kepada sebutan orang Melayu Johor.

Bagaimanakah sebenarnya sebutan menurut logat Riau-Johor itu? Belum ada uraian terperinci yang tuntas secara pasti tentang hal ini. Tetapi secara umum dapat diterangkan beberapa perbedaan yang nyata jika ejaan Rumi sebagai lambang bunyi bahasa Melayu baku yang tertulis sekarang ini kita jadikan dasar perbandingan.

VOKAL MELAYU

Kita lihat dahulu bagaimana fonem-fonem vokal bahasa Melayu yang tertulis itu disebut atau diucapkan menurut bunyi sebutan Riau-Johor. Perlu dicatatkan bahawa dalam logat Riau-Johor terdapat hanya enam fonem vokal yang dilambangkan dalam tulisan Rumi dengan hanya lima huruf: a, e, i, o dan u. Untuk tujuan membedakan dua fonem vokal yang dilambangkan dengan satu huruf e itu, maka dalam makalah ini ditambahkan huruf e, yakni e yang diberi tanda taling seperti *accent aqae* pada kata Perancis *attache*. Dengan huruf tambahan ini maka dapatlah kita bedakan; misalnya, *perang* daripada *perang* dan *serak* daripada *serak*.

Fonem /a/ pada suku-kata akhir terbuka disebut atau diucapkan dengan bunyi [e]. Misalnya *ada* diucapkan dengan bunyi [ade]. Apabila kata-kata yang berasal daripada bahasa asing seperti *dunya* (Arab) dan *bhasa* (Sanskrit) pun diucapkan dengan bunyi [dunie] dan [bahase] maka terbuktiilah dengan jelasnya bahawa fonem /a/ pada sukukata akhir terbuka tidak diucapkan sebagai [a] menurut yang dieja dalam tulisan, melainkan sebagai [e] menurut kebiasaan umum dalam pertuturan dengan logat Riau-Johor.

Fonem /i/ dan /u/ sebagai vokal pada suku-kata akhir terbuka diucapkan dengan bunyi [i] dan [u] seperti yang dilambangkan dalam ejaan. Misalnya *ini* dan *itu* diucapkan dengan sebutan [ini] dan [itu].

Fonem /e/ sebagai vokal pada suku-kata akhir terbuka tidak berlaku dalam logat Riau-Johor asli. Demikian pula /o/ sebagai vokal pada sukukata akhir terbuka tidak berlaku. Oleh sebab itu kata-kata seperti *sate* dan *jago* daripada bahasa Jawa atau *tauge* dan *teko* daripada bahasa Cina adalah asing dalam sebutan Riau-Johor asli.

Bagaimanakah pula bunyinya fonem-fonem vokal Melayu pada suku-kata bertutup menurut sebutan dalam logat Riau-Johor?

Fonem /a/ tetap diucapkan dengan bunyi [a] seperti yang dilambangkan dalam ejaan apabila berlaku pada suku-kata tertutup. Misalnya *akan*, *dapat*, dan *malam* diucapkan dengan bunyi [akan], [dapat], dan [malam].

Fonem /e/ tidak juga berlaku pada suku-kata tertutup dalam logat Riau-Johor. Jadi, kata-kata seperti *artikel*, *sistem* dan *sumber* adalah asing dalam sebutan menurut logat Riau-Johor asli.

Fonem /e/ dan /o/ tetap diucapkan dengan bunyi [e] dan [o] seperti yang dilambangkan dalam ejaan apabila berlaku pada suku-kata tertutup. Misalnya *boleh*, *goreng* dan *lopes* diucapkan dengan sebutan [boleh], [goreng] dan [lopes]. Demikian juga kata-kata seperti *belot*, *bodoh*, *botol*

dan *kosong* diucapkan dengan sebutan [belot], [bodoh], [botol], dan [kosong].

Fonem /i/ dan /u/ diucapkan dengan bunyi [e] dan [o] pada suku-kata tertutup dalam sebutan menurut logat Riau-Johor asli. Oleh sebab itu kata-kata seperti *alih*, *hasil*, *mukim*, *angin*, *kucing*, *kutip*, *tapis* dan *bukit* diucapkan dengan sebutan [aleh], [hasil], [mukem], [angen], [kuceng], [kutep], [tapes] dan [buket]. Demikian pula kata-kata seperti *jatuh*, *betul*, *belum*, *lanun*, *burung*, *tutup*, *tikus*, dan *parut* diucapkan dengan sebutan [jatoh], [betol], [belum], [lanon], [burong], [tutop], [tikos], dan [parot].

KONSONAN MELAYU

Sekarang kita perkatakan pula fonem-fonem konsonan dalam bahasa Melayu. Perlu dicatatkan juga di sini bahawa dalam bahasa Melayu terdapat delapan belas fonem konsonan yang dianggap sebagai konsonan asli, seperti yang dilambangkan dengan huruf-huruf b, c, d, g, h, j, k, l, m, n, ng, ny, p, r, s, t, w, y. Fonem-fonem lain seperti yang dilambangkan dengan huruf-huruf f, gh, kh, q, sy, v dan z adalah fonem-fonem asing yang dipinjam daripada pelbagai bahasa lain seperti bahasa Arab dan bahasa Inggeris.

Apabila berlaku pada awal suku-kata, boleh dikatakan semua fonem konsonan yang dianggap asli itu diucapkan dalam logat Riau-Johor dengan bunyi yang sama dengan yang dilambangkan dalam ejaan. Misalnya kata *badan* atau *ganti* diucapkan dengan sebutan [badan] dan [ganti]. Hanya tentang /r/, bagaimanakah sebutannya dalam logat Riau-Johor? Ada dua pendapat; pertama, /r/ diucapkan dengan sebutan [r] dan kedua, /r/ diucapkan dengan bunyi yang sama dengan atau seakan-akan bunyi fonem Arab yang dilambangkan dengan huruf ghain pada kata *ghaib* dan *ghalat*, sehingga untuk kedua-dua kata daripada bahasa Arab itu ada ejaan *raib* dan *ralat* (lihat *Kamus Dewan* 1970 dan *Kamus Umum Bahasa Indonesia* 1953).

Fonem-fonem asing seperti yang dilambangkan dengan huruf-huruf f, gh, kh, q, sy, v dan z itu masing-masing dapat diganti dengan fonem-fonem Melayu yang dilambangkan dengan huruf p (daripada *fardu* menjadi *perlu* dan daripada *fatwa* menjadi *petua*), q (daripada *ghairah* menjadi *gairah* dan daripada *maghrib* menjadi *maghrib*), atau r (daripada *ghalat* menjadi *ralat*), k (daripada *khobar* menjadi *kabar* dan daripada *khemah* menjadi *kemah*), k (daripada *gamus* menjadi *kamus* atau daripada *giblat* menjadi *kiblat*), s (daripada *syaitan* menjadi *setan*), w (daripada *bhava* menjadi *bahawa* atau *bahwa* dan daripada *visa* menjadi *wisa*) dan j (daripada *zawadah* menjadi *juadah*) atau t (daripada *zahir* menjadi *lahir* dan daripada *lafaz* menjadi *lafal*), walaupun pada umumnya orang Melayu yang mengetahui bunyi bahasa Arab

daripada pelajaran membaca Qur'an atau yang sudah belajar bahasa Inggeris di sekolah dapat menyebut fonem-fonem asing itu dengan bunyi yang sama atau hampir-hampir sama dengan yang terdapat pada bahasa asing itu.

Konsonan yang dilambangkan dengan huruf k diucapkan sebagai **glottal stop** atau seolah-olah **glottal stop** apabila berlaku sebagai penutup suku-kata. Sehubungan dengan ini konsonan /b/ diucapkan seolah-olah sebagai [p] dan /d/ sebagai [t]. Sebagai contoh, kata **jawab** dan **wajib** diucapkan seolah-olah dengan sebutan [jawab] dan [wajib], dan kata-kata seperti **abad** dan **jihad** diucapkan seolah-olah dengan sebutan [abat] dan [jihat].

Konsonan /r/ tidak diucapkan apabila berlaku sebagai penutup suku-kata akhir dalam sebutan menurut logat Riau-Johor. Oleh sebab itu, kata-kata seperti **besar**, **pasir** dan **lumpur** diucapkan dengan sebutan [besa], [pase] dan [lumpo].

Fonem-fonem yang dilambangkan dengan huruf b, c, d, f, g, j, kh, dan z tidak berlaku sebagai penutup suku-kata dalam bahasa Melayu asli. Kata-kata seperti **adab**, **ajaib**, **jawab**, **wajib**, **koc**, **Mac**, **abad**, **tadbir**, **aktif**, **positif**, **subjektif**, **beg**, **jag**, **garaj**, **kolej**, **tarikh**, **Marikh**, **hafiz**, **lafaz** dan **juz** adalah kata-kata yang berasal daripada bahasa-bahasa asing yang tidak tau belum sempurna diserapkan ke dalam bahasa Melayu.

Demikianlah secara umum uraian singkat tentang fonem-fonem yang terdapat dalam sistem ejaan Rumi bahasa Melayu dalam hubungannya dengan sebutan dan logat Riau-Johor.

EJAAAN DAN SEBUTAN

Setelah kita tinjau dari sudut ejaan Rumi bahasa Melayu yang ada sekarang, ternyata ada perbezaan di antara yang tertulis dengan yang dituturkan menurut logat Riau-Johor. Untuk mengatasi kelemahan ini maka ada orang yang berpendapat bahawa tulisan harus didasarkan pada bunyi sebutan, kerana sebelum ada tulisan bahasa itu sudah ada dan dituturkan orang terlebih dahulu. Pendapat ini sesungguhnya benar, dan hal ini harus sudah sejak awal abad ke-14 diinsafi apabila bahasa Melayu mula dituliskan dengan huruf Jawi yang berasal daripada bahasa Arab. Kita tidak tahu bahasa Melayu logat manakah yang mula-mula dituliskan dengan huruf Jawi. Tetapi dalam perkembangan selanjutnya, dengan munculnya karya-karya tertulis di sekitar daerah Riau dan Johor, bolehlah kita katakan bahawa logat Riau-Johorlah yang dituliskan dengan huruf Jawi itu. Hanya sayangnya, daripada tulisan Jawi kita tidak dapat dengan pasti mengetahui bagaimana sebenarnya sebutan yang tepat bagi sesuatu kata pada zaman bahasa Melayu itu mula dituliskan dahulu. Misalnya saja, oleh sebab huruf alif dapat melambangkan tiga bentuk

bunyi, yaitu [a], [i] dan [u] maka kata **agama** dalam tulisan Jawi diucapkan orang dengan tiga jenis sebutan, yaitu **agama**, **igama** dan **ugama**. Demikian juga beberapa kata yang lain seperti **marabahaya**, **margasatwa**, **peristiwa**, dalam tulisan Jawi dapat dibaca **merbahaya**, **mergastua** dan **persetua** sehingga mengelirukan apabila dituliskan menurut lafalnya dengan ejaan Rumi. Hanya setelah diketahui bahawa kata **agama** itu berasal daripada bahasa Sanskrit maka dengan tulisan Rumi barulah dapat ditetapkan ejaannya untuk menentukan sebutannya sekali. Dengan ejaan **agama** orang tidak lagi mengucapkan kata itu dengan sebutan **igama** dan **ugama**, kecuali kalau masih ada orang yang hendak meneruskan kedua-dua sebutan itu dengan mengejanya **igama** dan **ugama**. Sayang sekali bahawa dalam **Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia** yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka kata-kata **merbahaya** dan **mergastua** masih dieja salah.

Dengan tulisan Rumi yang dapat melambangkan keenam-enam bunyi vokal yang ada pada bahasa Melayu, maka memang ejaan dapat dibuat dengan berdasarkan bunyi sebutan kata-katanya. Tetapi bahasa Melayu yang tersebar meluas ke seluruh alam Nusantara Melayu ini terdiri daripada keratus-ratus dialek atau logat daerah. Oleh sebab itu mengapakah kita harus menentukan sebutan Riau-Johor saja sebagai sebutan yang baku? Perlukah ejaan yang ada sekarang diubah kembali supaya selaras dengan bunyi sebutan baku, yaitu sebutan menurut logat Riau-Johor? Jika sekalipun kita hendak mengeja kata-kata Melayu dengan berdasarkan bunyi sebutannya dalam logat Riau-Johor, masalahnya sekarang ini ialah bahawa di antara orang-orang yang hendak mempertahankan sebutan menurut logat Riau-Johor itu sendiri tidak ada seorang pun yang benar-benar setia kepada prinsip sebutan Riau-Johor. Sebagai contoh, kebanyakan atau boleh dikatakan hampir semua orang yang mengaku berlogat Riau-Johor itu mengucapkan kata-kata seperti **akta**, **armada**, **asmara**, **asrama**, **astaka**, **baka**, **balada**, **beca**, **biaya**, **bota**, **cakerawala**, **cota**, **darmawisata**, **drama**, **duta**, **fakta**, **fana**, **fatwa**, **fenomena**, **firma**, **frasa**, **FELDA**, **juta**, **karya**, **kesatria**, **kolera**, **lawe**, **maha**, **merdeka**, **nada**, **norma**, **nyonya**, **orkestra**, **palma**, **para**, **paria**, **pesta**, **pola**, **prakarsa**, **prisma**, **propaganda**, **prosa**, **sastera**, **sayembara**, **swasta**, **takwa**, **wanita**, **waspada**, **wira**, menurut yang dieja, padahal menurut sebutan dalam logat Riau-Johor, fonem /a/ pada suku-kata akhir terbuka seharusnya diucapkan dengan sebutan [e].

Katakanlah bahawa kata-kata itu kata-kata baru yang belum merata terserap ke dalam bahasa Melayu, tetapi kata-kata seperti **astaka**, **baka**, **beca**, **fana**, **fatwa**, **juta**, **lawe**, **maha**, **merdeka**, **nyonya**, **para** sudah lama masuk ke dalam perbendaharaan kata-kata Melayu. Demikian juga kata-kata **bola** dan **doa**.

Contoh selanjutnya dapat diberikan. Fonem /i/ dan /u/ dalam bahasa

Melayu diucapkan dengan bunyi [e] dan [o] dalam sebutan yang didasarkan pada logat Riau-Johor apabila berlaku sebagai penutup suku-kata akhir. Dengan prinsip ini maka berapa orangkah di antara kita yang bersedia untuk mencoba-coba melafalkan kata-kata seperti **objektif**, **politik**, **stabil**, **aiskrim**, **analisis**, **unit**, **kurikulum**, **mabrur**, **sulfur**, **memorandum**, **kasus**, **kursus**, **status**, **institut** dengan sebutan [objekt^{te}f], [politek], [stabel], [aiskrem], [analises], [unet], [kurikulom], [mabro], [sulfo], [memorandom], [kasos], [kursos], [statos], [institut]? Jika ada yang mengaku bersedia, dapatkah pendirian berprinsip yang hebat kuat ini diamalkan terus bila-bila saja dan di mana-mana saja dalam ucapan formal di kalangan khalayak ramai?

Menurut prinsipnya, bunyi [e] untuk fonem /a/ berlaku hanya pada suku-kata akhir terbuka. Tetapi mengapa ada pula orang yang mengucapkan kata-kata seperti **hanya**, **paha**, **usaha** dengan sebutan [henye], [pehe] dan [usehe]? Jika ini dapat dijadikan sebagai perbandingan, maka mengapakah kata-kata seperti **pada** dan **utama** tidak dilafalkan dengan sebutan [pede] dan [uteme]?

Ada pula orang yang mengucapkan kata-kata seperti **bukti**, **kumpul**, **konco** dan **untuk** dengan sebutan [bokti], [kumpul], [kuncu] dan [ontok]? Adakah sebutan inipun sebutan baku Riau-Johor juga?

LAIN EJAAN LAIN SEBUTAN

Ada orang yang berpendapat bahasa biarlah ejaannya tetap seperti yang ada sekarang tetapi sebutannya saja yang harus disesuaikan dengan sebutan yang biasa selama ini. Apabila datangnya daripada orang yang berlatar-belakangkan pendidikan Inggeris maka pendapat itu lebih bererti bahawa kata-kata yang berasal daripada bahasa Inggeris seperti **agenda**, **generasi**, **teknologi**, **tragedi**, **unit** dan **universiti** hendaklah diucapkan dengan sebutan [ejende], [jenerasi], [teknoloji], [trejedi], [yunit] dan [yuniversiti].

Orang-orang yang berlatarbelakangkan pendidikan Arab pula berasa kurang senang dengan ejaan Rumi sekarang yang menghilangkan beberapa lambang bunyi bahasa Arab pada kata-kata Melayu yang berasal daripada bahasa Arab. Kata-kata seperti **hadir**, **kadi**, **nikmat** (untuk ni'mat) dan **sabit** (untuk thabit) kedengaran janggal dan mengelirukan bagi mereka, sebagaimana **teknologi** dan **oksigen** kedengaran janggal bagi orang-orang yang sudah amat mesra dengan bahasa Inggeris. Sebahagian besar daripada orang-orang yang berpendidikan Arab itu berasa kuatir kalau-kalau beberapa kata Arab yang merupakan istilah agama dan yang ada hubungannya dengan akidah Islam diucapkan dengan bunyi yang salah sehingga mengelirukan pula.

Gambarkanlah betapa kacau dan bercampur-aduknya bunyi bahasa Melayu jika kata-kata yang berasal daripada bahasa asing harus diucapkan dengan sebutan yang sama dengan sebutan pada bahasa asalnya. Bagaimanakah jadinya dengan sebutan menurut logat Riau-Johor itu sendiri jika segala macam sebutan dibiarkan berlaku dan diterima sebagai sebutan baku bahasa Melayu? Adakah mungkin bahawa dengan sebutan yang bercampuraduk itu kelak bahasa Melayu dapat lebih bersifat nasional dan mencerminkan keaneka-ragaman masyarakat majemuk Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan bangsa? Bagi orang-orang yang secara emosional suka mempersoalkan 'keperibadian' atau 'identiti' bahasa Malaysia yang harus dibedakan daripada bahasa Melayu dari daerah-daerah Melayu yang lain di Nusantara, maka barangkali sebutan campur-aduk itulah jawaban baginya.

Jika sebutan campur-aduk sebagai sebutan 'beridentiti Malaysia' dibiarkan terus seperti sekarang maka yang susah ialah guru dan murid di sekolah. Guru susah hendak menentukan mana kata-kata 'baru' yang boleh diucapkan dengan bunyi [a] pada suku-kata akhir terbuka dan mana kata-kata 'lama' yang boleh disebut menurut sebutan logat Riau-Johor, yaitu [e] pada suku-kata akhir terbuka dan dengan bunyi [e] dan [o] pada suku-kata tertutup. Kata **bola** dan **jijik** sebagai kata 'lama' bolehkah diucapkan dengan sebutan [bole] dan [ijiek] menurut logat Riau-Johor?

Guru dan murid akan terus berasa bingung bukan saja tentang bagaimana hendak menyebut sesuatu kata 'baru' atau 'lama' tetapi juga tentang bagaimana akan mengejanya. Bagaimanakah seseorang murid, bahkan seseorang guru juga, hendak menentukan yang mana kata-kata 'serapan' daripada bahasa asing dan yang mana kata-kata asli yang bukan serapan. Kalau kata-kata serapan seperti **akta**, **firma**, **puitis**, dan **institut** boleh diucapkan menurut ejaannya secara fonemik, maka mengapakah kata-kata serapan yang lain seperti **bahasa**, **dunia**, **fikir**, **mukim**, **maklum** dan **sabun** mesti diucapkan dengan sebutan [bahase], [duniel], [fike], [mukem], [maklom] dan [sabon] menurut bunyi logat Riau-Johor? Kalau ucapan tidak seharusnya diselaraskan dengan ejaan, dan oleh sebab itu kata-kata seperti **alih**, **bukit**, **harum** dan **atur** boleh diucapkan dengan sebutan [aleh], [buket], [harom] dan [ato] maka bagi kebanyakan murid apakah salahnya kalau kata-kata seperti **aneh**, **boleh**, **dokumen**, **kabinet**, **kaget**, **oleh**, **pamer**, **atom**, **calon**, **dialog**, **diftong**, **golongan**, **jempol**, **karbon**, **konduktor**, **kupon**, **lakon**, **langong**, **pelopor**, **pelosok**, **perabot**, **pistol**, **rampok**, **teleskop**, dan **transistor** dieja ***anih**, ***bolih**, ***dokumin**, ***kabinit**, ***kagit**, ***olih**, ***pamir**, ***atum**, ***calun**, ***dialug**, ***gulungan**, ***jempul**, ***karbun** atau ***karban**, ***konduktur** atau ***kondaktur**, ***kupun**, ***lakun**, ***lancung**, ***pelupur**, ***pelusuk**, ***perabut**, ***pistul**, ***rampuk**, ***teleskup** dan ***transistur**?

SEBUTAN BAKU ATAS DASAR ILMU

Bagi orang-orang yang ingin turut dalam bidang pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu ke arah kesempurnaan, maka sebutan baku bahasa Melayu harus ditentukan atas sesuatu dasar yang bersifat ilmiah. Usaha sebenarnya telah dimulakan sejak lama dahulu. Pertukaran pikiran dan perdebatan tentang soal ejaan dan sebutan telah berlaku sebelum zaman kemerdekaan lagi. Sebagai kemuncak daripada pertukaran pikiran dan perdebatan dalam media massa dan dalam musyawarah badan-badan bahasa dan sastera di sana sini, maka pada tahun 1956 diadakan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga. Kongres ini sesungguhnya amat penting dalam sejarah perkembangan bahasa Melayu, kerana dalam Kongres inilah diambil beberapa keputusan yang menentukan arah perkembangan bahasa itu pada masa depan.

Keputusan paling penting yang diambil dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga itu ialah:

'Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia yang berbeda-beda sedikit tentang ejaan dan beberapa hal lainnya hendaklah disatukan, karena asal dan dasar bahasa Melayu dan bahasa Indonesia itu satu dan sama saja.'

Berdasarkan keputusan utama ini maka diambil pula keputusan seterusnya tentang ejaan, sebutan, tatabahasa, tulisan Jawi, istilah dan perkamusan. Sehingga ini hanya keputusan tentang ejaan dan istilah saja yang telah dilaksanakan. Keputusan yang lain-lain itu masih tinggal keputusan di atas kertas saja.

Setelah sekian lama sejak keputusan diambil dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga, orang masih, juga mempersoalkan sebutan baku bahasa Melayu dengan pelbagai pendapat. Ada yang menganggap bahawa sebutan yang didasarkan pada ejaan fonemik itu sebutan Indonesia yang tidak harus dijadikan contoh untuk ditiru. Alasan mereka yang didasarkan pada prasangka kedaerahan yang sempit itu tidak meyakinkan. Di antara mereka ada pula yang rela menerima sebutan tiruan daripada bahasa Inggeris, dan tidak pula menentang kata-kata seperti *merdeka* dan *wanita* diucapkan dengan sebutan menurut ejaan. Bukankah ini 'double standard' namanya?

Kalau sebutan [a] dan bukan [e] pada suku-kata akhir terbuka itu sebutan Indonesia, maka lagu-lagu ciptaan orang Malaysia dan dinyanyikan oleh para penyanyi Malaysia dengan sebutan menurut ejaan itu tentu boleh dikatakan sebagai lagu-lagu Indonesia, bukan? Ada orang yang pernah membuat anggapan bahawa lagu-lagu yang dinyanyikan dengan 'sebutan

Indonesia' itu dimaksudkan untuk pemasaran di Indonesia. Anggapan ini sesungguhnya tidak benar, kerana lagu kebangsaan Malaysia *Negaraku* yang dinyanyikan dengan sebutan menurut ejaan itu tentulah tidak dimaksudkan untuk pemasaran di Indonesia.

Apakah gerangan penjelasan yang dapat diberikan lagi tentang sajak-sajak Melayu yang dideklamasikan dengan 'sebutan Indonesia' bukan saja oleh para penyajak dan para deklamator yang lain, tetapi juga oleh Yang Dipertuan Agung Ketujuh yang mendeklaimasikan sajak Usman Awang *Bunga Popi* pada Malam Puisi Tanah Air pada 23 Ogos 1983? Hilangkah identiti Malaysianya apabila *Bunga Popi* itu atau sajak-sajak yang lain pun dideklamasikan dengan sebutan menurut ejaan, kalau sebutan serupa itu dikatakan sebagai 'sebutan Indonesia'?

Apabila Datuk Sri Adib Adam selaku Menteri Penerangan Malaysia pada awal tahun 1984 mengumumkan bahawa sebutan baku bahasa Melayu akan dilaksanakan melalui RTM, maka sambutan orang berbagai-bagai, ada yang menyokong dan ada yang menentang. Tetapi dari kalangan para cendekiawan serta pejuang dan ahli bahasa Melayu sambutan yang diberikan adalah positif. Sambutan yang positif ini dinyatakan dalam sepucuk surat yang bertarikh 10 Mac 1984 dan ditandatangani oleh ketua-ketua badan bahasa dan sastera Melayu tanah air. Mereka ini ialah Tan Sri Datuk Prof. Awang Had Salleh sebagai Yang Dipertua Persatuan Suluh Budiman yang mewakili golongan guru, Datuk Prof. Ismail Hussein sebagai Ketua Satu Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) yang mewakili para sasterawan, Prof. Madya Dr. Nik Safiah A. Karim selaku Presiden Persatuan Linguistik Malaysia yang mewakili golongan pejuang dan ahli bahasa Melayu, dan Sdr. Ahmad Kamal Abdullah (Kemala) selaku Ketua Satu Persatuan Penulis Nasional (PENA) yang mewakili para penulis.

DOKUMENTASI SEJARAH

Surat sokongan daripada para cendekiawan kita itu merupakan satu dokumentasi sejarah yang amat penting dan perlu dicatatkan sepenuhnya seperti yang berikut:

'Kami ingin menyatakan sokongan penuh kepada Datuk tentang sebutan baku (*standard*) bahasa Melayu yang akan dilaksanakan melalui RTM seperti yang kami baca beritanya dari surat kabar baru-baru ini.

Sokongan kami ini didasarkan pada peristiwa serta fakta yang tersebut di bawah ini:

1. Pada bulan September 1956, Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu

Ketiga telah mengambil keputusan bahawa:

- (a) anggapan lama bahawa bunyi bahasa Melayu yang **standard** ialah logat Riau-Johor tidak sesuai lagi dengan keadaan bahasa Melayu pada masa ini, dan (b) melihat hal itu, maka vokal /a/ dalam suku-kata hidup yang akhir pada sesuatu perkataan dibunyikan [a] dan bukan [e]. (Misalnya: **apa** diucapkan **apa**, bukan **ape**).
2. Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga telah juga mengambil keputusan tentang ejaan bahawa:
 - (a) Ejaan di Malaya, di Indonesia, Singapura dan di Negara Brunei Darussalam, hendak disamakan atau disatukan; (b) Peraturan ejaan hendaklah mudah, dan untuk ini maka sistem fonemik diterima sebagai sistem yang lebih baik daripada sistem fonetik, dan satu fonem hendaklah digambarkan dengan hanya satu tanda (huruf) saja; (c) Pengejaan hendaklah tetap sekata mengikut kaidah yang satu dan semacam; (d) Kata-kata dari bahasa asing hendaklah disesuaikan dengan sistem fonologi Melayu.
3. Prinsip fonemik ialah: Kata-kata dieja sebagaimana yang diucapkan dan diucapkan sebagaimana yang dieja, dan tidak ada huruf yang senyap (K.L. Pike, **Phonemics**, hlm. 57). Ini berarti bahawa kata-kata yang dieja menurut prinsip fonemik seperti yang ada sekarang ini hendaklah diucapkan (disebut) sebagaimana yang dieja, yakni **saya** disebut **saya** dan bukan ***saye**, **itik** diucapkan **itik** dan bukan ***itek**, **kurus** diucapkan **kurus** dan bukan ***kuros**, **republik** diucapkan **republik** dan bukan ***ripablik** seperti ucapan Inggeris atau ***republek** seperti ucapan menurut logat Riau-Johor, **teknologi** diucapkan **teknologi** dan bukan ***teknoloji** dan sebagainya.
4. Pada masa ini, bunyi bahasa Melayu di mana-mana beraneka ragam oleh pelbagai jenis logat yang ada, dan ucapan menurut logat Riau-Johor yang dianggap baku atau **standard** itu pun sudah tidak dapat dipertahankan lagi kerana terdesak oleh munculnya kata-kata baru yang makin lama makin banyak, iaitu yang berasal daripada bahasa-bahasa lain seperti **acara**, **akta**, **bakteria**, **drama**, **etika**, **sastera**, **tanpa**, **artis**, **teknik**, **sensitif**, **fokus**, **kursus**, **referendum**, **sulfur** dsb. Dengan prinsip fonemik yang dijadikan dasar sebutan baku, maka bunyi bahasa Melayu dapat kelak diseragamkan secara sistematis, tekal (**consistent**) dan mantap bukan hanya di daerah Malaysia saja, tetapi juga di seluruh dunia Melayu se-Nusantara, sehingga dengan

demikian bahasa Melayu dapat benar-benar menjadi bahasa internasional (Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura).

5. Sebutan baku menurut prinsip fonemik dapat memudahkan guru mengajar dan murid belajar mengucapkan bahasa Melayu dengan tidak lagi dibingungkan oleh kecuaiian-kecuaiian yang berbagai-bagai, misalnya ada kata-kata yang disebut menurut bunyi fonetik Riau-Johor, ada yang disebut menurut bunyi fonetik Inggeris seperti ***industri**, ***jenerasi** dan ***yunit** untuk **industri**, **generasi** dan **unit** dan ada yang menurut sebagaimana yang dieja secara fonemik.
6. Sebutan baku menurut prinsip fonemik dapat dianggap sebagai sebutan estetik yang sesuai untuk lagu-lagu Melayu, untuk deklamasi sajak dan untuk pidato, ceramah, syarahan dan apa saja ucapan yang bersifat formal seperti pembacaan warta berita RTM, pengumuman rasmi kenegaraan dan sebagainya.
7. Sebutan baku menurut prinsip fonemik dapat memperlihatkan kelebihan bahasa Melayu jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris yang kacau ejaannya sehingga sebutannya tidak selaras dengan ejaannya itu. Kata Mario Pei: "English spelling is the world's most awesome mess". Bahasa Melayu tidak akan menjadi lebih maju dengan meniru kekacauan ejaan dan ucapan bahasa Inggeris.

'Orang-orang yang tidak menyukai adanya keseragaman sebutan menurut prinsip fonemik akan memberikan alasan yang tak masuk akal, misalnya meniru-niru ucapan orang Indonesia menghilangkan identiti atau keperibadian Melayu dan menyusahkan orang kampung.

'Kepada orang-orang seperti ini dapat dijelaskan bahawa pengucapan menurut prinsip fonemik secara ilmiah bukanlah pengucapan secara meniru-niru tanpa ilmu, kerana orang Indonesia sendiri, misalnya yang berasal dari Jawa, akan mengucapkan kata-kata seperti **akan**, **dapat** dan **malam** dengan sebutan **aken**, **dapet** dan **malem**, jika ia tidak mempelajari sistem fonologi bahasa Melayu (Indonesia) serta prinsip fonemik pada ejaan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia yang sejak tahun 1972 telah disamakan itu.

'Keperibadian atau identiti Melayu tidak dapat didasarkan pada cara mengucapkan bahasa Melayu, kerana orang Melayu di seluruh daerah Nusantara ini mempunyai logat yang beratus-ratus jumlahnya. Berbedakah identiti Melayu Kedah daripada identiti Melayu Johor oleh sebab perbezaan logatnya? Samakah keperibadian atau identiti orang Cina yang beragama Buddha, misalnya, dengan keperibadian atau identiti orang Melayu Singapura yang beragama Islam jika kedua-duanya dapat bertutur dengan logat Johor?

'Sebutan baku menurut prinsip fonemik dianjurkan hanya untuk pengucapan secara formal dan estetik, bukan untuk menggantikan logat-logat daerah manapun juga, sehingga setiap orang Melayu, baik di kampung mahupun di bandar, masih boleh (tidak terlarang) mengucapkan bahasa Melayu menurut kebiasaan dalam logatnya sendiri ketika di rumah bersama keluarga atau di restoran bersama kawan-kawan selogatnya. Jadi, tidak timbul masalah menyusahkan orang kampung.

'Demikianlah kami menyatakan sokongan kepada Datuk dalam usaha kita bersama untuk menjadikan bahasa kita ini berwibawa, maju dan indah supaya sesuai menjadi bahasa kenegaraan, bahasa ilmu dan bahasa seni (sastera dan lagu).

'Kami berdoa kepada Allah s.w.t. semoga cita-cita Datuk yang menjadi cita-cita kami juga akan memperoleh restu dan mencapai kejayaan.'

Pendapat tentang sebutan baku bahasa Melayu yang didasarkan pada prinsip fonemik sesungguhnya amat tepat. Alasan yang diberikan oleh keempat-empat orang cendekiawan, bahasawan, sasterawan dan budayawan kita itu pun rasional pula.

Sayang sekali bahawa pihak kabinet yang memegang tampuk pemerintahan Malaysia sekarang ini tidak menganggap penting adanya satu sebutan baku bahasa Melayu. Hal ini dapat kita pahami kerana bahasa Melayu dan linguistik bukan bidang ilmu dan keahlian mereka. Dengan adanya sikap negatif daripada pihak kerajaan sendiri maka sebutan baku bahasa Melayu yang kita cita-citakan itu tidak dilaksanakan secara rasmi. Oleh sebab itu sebutan bahasa Melayu RTM tetap bercampur-aduk seperti biasa.

Walau bagaimanapun, para pejuang dan ahli bahasa Melayu tidak usah berasa terlalu kecewa dalam hal ini. Pada kita ada tanggungjawab untuk memikirkan bagaimana sebaik-baiknya hendak mengembangkan ide tentang sebutan baku bahasa Melayu secara fonemik itu di kalangan masyarakat yang lebih luas dan memperjuangkannya terus menerus hingga mencapai kemenangan. Selama kita tetap berpegang pada kebenaran, yaitu ilmu pengetahuan, dan selama kita tetap berpikiran progresif dan rasional, kita tidak perlu kuatir. Oleh sebab itu saya ingin mengajak saudara-saudara sekalian supaya terus berijtihad dan terus berjuang hingga menang.

DAFTAR EJAAN DAN KAMUS DEWAN

Apabila ide tentang sebutan yang berdasarkan prinsip fonemik ini diterima sebagai sebutan baku bahasa Melayu baru, maka itu bererti bahawa sebutan yang betul bergantung kepada ejaan yang betul. Demikian juga jika

sebutan baku bahasa Melayu akan disamakan di seluruh Nusantara Melayu kita ini, maka ejaan bersama Malaysia-Indonesia harus disamakan tanpa kecuali. Persamaan seratus peratus mungkin mustahil, tetapi kita harus berusaha memperkecil jurang perbedaan dan bukan sebaliknya. Jika kita hendak berbeda ejaan tentang beberapa kata tertentu maka perbedaan ejaan itu mestilah mempunyai landasan ilmiah yang kuat. Pada masa ini masih terdapat ejaan yang berbeda di antara kata-kata dalam **Kamus Umum Bahasa Indonesia** dengan kata-kata dalam **Kamus Dewan** yang baru terbit dengan ejaan baru pada tahun ini.

Kalau kita sudah mengambil keputusan untuk menyamakan ejaan Malaysia-Indonesia maka apakah alasan ilmiah yang dapat diberikan untuk membiarkan beberapa banyak kata dieja berbeda di antara kedua-dua negara kita ini? Sebelum kita mengemukakan pertanyaan ini kepada pihak Indonesia, baiklah kita bertanya lebih dahulu kepada pihak yang menyusun **Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia** yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Apakah tanggungjawab ilmiah yang dapat ditunjukkan untuk mempertahankan ejaan yang salah dalam **Daftar Ejaan** dan **Kamus Dewan** sehingga kerana itu terdapat perbedaan ejaan di antara Indonesia dengan Malaysia?

Jika ejaan kita pada kata-kata tertentu memang ternyata benar dalam perbandingannya dengan ejaan Indonesia, maka ejaan itu harus dipertahankan, dan jika mahu, kita boleh mengajak pihak Indonesia untuk memikirkan salah benarnya ejaan kita itu supaya mudah-mudahan dapat pula mereka menerima ejaan kita yang benar. Misalnya kita boleh mempertahankan ejaan *erti dan cucuk yang berbeda daripada ejaan *arti dan cocok di Indonesia, kerana pada pendapat kita ejaan erti dan cucuk itulah yang benar. Jika arti itu dianggap benar, mengapakah mengerti tidak pula dieja *mengarti oleh pihak Indonesia? Kata cocok yang bererti sesuai itu dibedakan ertinya dengan mengaja cucuk untuk yang bererti tusuk?

Tanggungjawab ilmiah yang diharuskan bagi sesiapa juga yang hendak menyusun daftar ejaan samalah dengan tanggungjawab bagi penyusun kamus. Ilmu yang diperlukan bagi penyusun kamus ialah fonologi, leksikologi dan leksikografi, tetapi bagi penyusun daftar ejaan cukuplah fonologi dan leksikologi saja. Untuk memperkuat dasar leksikologi, maka diperlukan juga ilmu bahasa yang lain seperti filologi, etimologi, morfologi atau morfemik, dan bagi para penyusun kamus pula diperlukan juga ilmu makna atau semantik dan sintaksis. Dari sudut etimologi, misalnya, kita tahu bahawa kata *beza itu berasal bukan daripada bahasa Arab seperti yang disangka-sangka saja, tetapi daripada bahasa Sanskrit dan oleh sebab itu ejaan yang tepat ialah

beda. Mengapakah *beda* harus dipilih dan bukan **beza*? Sebabnya ialah, dari sudut fonologi Melayu, /d/ merupakan fonem Melayu dan /z/ fonem asing. Hanya jika tidak ada gantinya dalam bahasa Melayu maka barulah fonem asing terpaksa kita terima masuk ke dalam perbendaharaan kata-kata Melayu.

Kata *jago* yang berasal daripada bahasa Jawa tidak seharusnya dieja **jaguh* oleh sebab kata-kata *kilo*, *piano* dan *teko* tidak seharusnya juga dieja **kiloh*, **pianuh* dan **tekoh*.

Dari sudut morfologi timbul pertanyaan mengapa kata *jawab* dan *wajib* sebagai kata dasar menjadi **jawapan* dan **kewajipan* sebagai kata terbitan, padahal kata *adab*, *aib*, *ajaib* dan *biadab* menjadi *peradaban*, *keaihan*, *keajaiban* dan *kebiadaban*, bukan **peradapan*, **keaipan*, **keajaipan* dan **kebiadapan*? Mengapakah ejaan lama **fikir* dan **faham* masih dipertahankan lagi, padahal kata terbitannya ialah *memikirkan* dan *memahami*, bukan **memfikirkan* dan **memfahami*?

Dari sudut fonologi, bukankah *aspal* lebih tepat daripada **asfalt*?

Kemudian ada kata-kata lain seperti *cicir* (Malaysia) dan *cecer* (Indonesia) atau *lumba* (Malaysia) dan *lomba* (Indonesia) yang perlu ditinjau kembali jika salah satunya mungkin lebih tepat dari sudut ilmu bahasa. Jika hal ini tidak atau belum dapat dipastikan lagi, maka kedua-duanya harus diterima sebagai benar. Dua ejaan untuk satu kata tidak berlaku khususnya dalam bahasa Melayu saja, tetapi berlaku umumnya dalam segala bahasa. Dalam bahasa Inggeris, misalnya, ada ejaan *connection* dan *connexion* atau *enquire* dan *inquire* atau *organise* dan *organize*.

Adanya dua tiga ejaan untuk satu kata kerana belum dapat ditentukan salah satunya sebagai ejaan yang benar menurut penelitian secara ilmiah dapat membuka jalan bagi para sarjana untuk melakukan penelitian atau kajian. Sebaliknya jika hanya satu kata saja yang ditetapkan tanpa dasar ilmu, apalagi kalau yang ditetapkan itu ternyata memang salah dan tidak disedari secara ilmiah oleh pihak yang hanya mempunyai 'authority' administratif, maka itu bererti menutup pintu ijtihad dan merupakan satu pukulan maut kepada ilmu pengetahuan.

* Kertas Kerja Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV, K. Lumpur 7 — 10 Disember 1984.

Pengajaran Bahasa

PENGARUH BAHASA INGGERIS KE DALAM BAHASA MELAYU

Abbas Shariff

Peminjaman beribu-ribu istilah dari bahasa Inggeris bukanlah merupakan satu kemegahan, tetapi adalah suatu keperluan bagi memenuhi kehendak perkembangan pelajaran. Selepas kemerdekaan Semenanjung Tanah Melayu, semangat kebangsaan yang mendadak mendesak bahasa Melayu mengambil alih fungsi menyatukan berbagai bangsa dan menjadikannya layak menjadi suatu bahasa kebangsaan yang boleh digunakan dalam pengajian tinggi. Pembangunan yang pesat dalam segala lapangan menyebabkan arus penerimaan kata-kata asing makin lancar, hingga keadaannya agak sukar ditenangkan.

Jika ditinjau dari sudut perkembangan bahasa Melayu sejak mula lahir sehingga hari ini, jelas kelihatan kata-kata Sanskrit dan Arab yang sudah meresap masuk ke dalam bahasa Melayu melalui akulturasi kebudayaan, sehingga mendapat kedudukan yang kukuh dalam bahasa Melayu dalam bentuk barunya; tetapi ia tidak dapat menyaingi kemasukan kata-kata Inggeris yang telah meresap masuk dengan tidak berkeputusan memandangkan kepada situasi dan kondisi negara penentuan istilah bahasa Melayu dari sumber asing; bidang ilmu pengetahuan. Ini disebabkan oleh struktur masyarakat yang dibanjiri oleh penutur-penutur dwibahasa Inggeris Melayu yang memainkan peranan yang lebih berpengaruh jika dibandingkan dengan penutur-penutur dwibahasa yang lain.

"Dalam mengambil alih kata-kata dari bahasa asing, perhatian harus diberi kepada lima aspek penting yang menandai sesuatu kata itu, iaitu aspek etimologi, aspek fonologi/ejaan, aspek tatabahasa, aspek leksikal dan aspek semantik.

Aspek etimologi sesuatu kata itu berguna dalam hal-hal berikut :

- (i) penentuan istilah bahasa Melayu dari sumber asing;
- (ii) penentuan ejaan bagi istilah yang ditentukan itu;
- (iii) penghapusan kekeliruan yang mungkin timbul dalam pengambilalihan kata itu dari bahasa asal kepada bahasa peminjam.¹

Aspek-aspek Etimologi, Fonetik dan Fonologi/Otografis

Ada baiknya jika dibicarakan aspek-aspek ini keseluruhannya sebab hubungan antara satu dengan lain begitu rapi sekali. Fonetik mengkaji bunyi pengucapan dan pendengarannya demi kepentingan bunyi bahasa. Fonologi mengkaji bunyi yang penting dalam sesuatu bahasa. Menurut ilmu fonetik bunyi dikaji dari segi fisiologi, iaitu bagaimana organ-organ sebutan membantu menghasilkan bunyi dan juga dianalisa dari segi akustik menurut gelombang-gelombang bunyi dan lain-lain lagi, seperti perbezaan bunyi letupan, letusan geseran, sengauan dan lain lagi. Kajian fonologi pula berkisar tentang bunyi yang penting dalam sesuatu bahasa agar dapat melambangkan bunyi dalam bentuk otografis untuk tulisan. Kalau diperhatikan sistem ejaan bahasa Melayu setiap lambang ejaan merupakan lambang satu fonem yang mewakili satu golongan bunyi yang berbeza. Ini bersamaan dengan struktur bahasa Inggeris dan dengan demikian mempercepatkan difusi pengaruh.

Contohnya :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
Communist	Komunis
Inspector	Inspektor
Modern	Moden
Passport	Paspot
Bicycle	Basikal
Motorcar	Motokar
Bus	Bas

Aspek Gramatika

Dalam bidang kajian tatabahasa, morfologi dan sintaksis merupakan unsur yang penting. Aspek morfologi dalam pembentukan kata-kata meliputi proses-proses penerbitan kata-kata dengan menggunakan imbuhan, pergandaan dan juga kata majmuk. Dalam bahasa Melayu proses ini mudah sekali. Jika diambil perkataan 'neutral' dari bahasa Inggeris dan digunakan dalam bahasa Melayu, bentuk-bentuk yang kompleks dapat dihasilkan dengan menggunakan awalan akhiran seperti :

neutral	-- neutral
neutralization	-- peneutralan

Contoh-contoh lain :

calcite	-- kalsit
calcitization	-- pengalsitan
calcitize, to	-- mengalsit; mengalsitkan
alkali	-- alkali
alkaline	-- beralkali
alkalinity	-- kealkalian
magnet	-- magnet
magnetization	-- pemagnetan
vapour	-- wap
vapourization	-- pengwapan

Aspek sintaksis ialah kajian terhadap gabungan kata-kata yang membentuk rangkai kata kalimat dan ayat-ayat. Aspek ini berdamping rapat dengan aspek morfologi dan kadangkala berbagai masalah timbul dalam pembikinan istilah-istilah yang baru.

Contohnya :

chemical limestone	-- batu kapur kimia
anthropological journal	-- majalah anthropologi
cubic packing	-- susunan kiub
aclinic line	-- garis aclin

Aspek Leksikal

Peminjaman konsep dalam bahasa Inggeris dilakukan dengan menggunakan istilah-istilah yang sedia ada dalam bahasa Melayu tetapi pengertian kata itu diberi pengertian saintifik.

Contohnya :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
dye	-- pencelup
sulphur	-- belerang
boiler	-- dandang
piston	-- omboh
ridge	-- permatang

Bayangan konsep asing dapat diterjemahkan menurut pengertian istilah kata yang hendak diterjemahkan. Kaedah ini disebut sebagai pinjam-terjemah (loan-translation). Misalnya perkataan 'dredge' dalam bahasa Inggeris,

konsepnya adalah melakukan kerja korek. Dengan cara yang demikian timbullah istilah pengorek kerja bagi menterjemahkan 'dredge'.

Contoh-contoh lain :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
aciculate	menjarum
parallel	selari
granules	pepasir
network	jaringan

Semantik

Pengkajian menurut semantik dalam menentukan makna bergantung kepada perkara-perkara seperti keadaan sekitar dan makna-makna yang bertentangan. Dalam pengambilan istilah-istilah Inggeris terutamanya dalam bidang sains dan teknik ukuran semantik diberatkan agar makna dan konsep yang diambil itu dapat dibayangkan dalam istilah baru dalam bahasa Melayu itu. Misalnya istilah morfologi (morphology) digunakan dalam kedua bidang linguistik dan kaji hayat tetapi istilah ini memberi makna yang tertentu dalam disiplin yang berlainan ini.

Penggunaan dalam disiplin linguistik:

morfologi:	Kajian pembentukan kata-kata
------------	------------------------------

Penggunaan dalam disiplin Sains Kaji hayat:

morfologi:	Kajian bentuk dan susunan struktur tumbuh-tumbuhan dan haiwan.
------------	--

Masalah-masalah yang dihadapi dalam peminjaman kata-kata Inggeris

Akhiran :logy :

Ahli-ahli linguistik memberatkan peminjaman menurut asal kata bahasa peminjam. Kata penghujung 'logi' berbeza sekali dari kata 'logos' (asalkata Yunani) atau 'logy' (Inggeris) dalam perkataan-perkataan seperti: geologi, pedagogi, sosiologi, anthropologi, filologi dan lain-lain.

Dengan demikian saranan untuk mengambil kata-kata yang asal diberatkan, agar cocok dari sudut etimologi dan fonetik dan juga dapat dihubungkan dengan bahasa-bahasa lain seperti bahasa-bahasa Jerman, Belanda, Perancis, Itali dan lain-lain lagi. Kaedah ini akan menghasilkan sebutan bunyi yang agak

janggal pada peringkat permulaannya, tetapi kejanggalan ini akan hilang ditelan masa.

Akhiran : ' ical'

Istilah 'geography' diterjemahkan sebagai 'ilmu alam' tetapi apabila menterjemahkan istilah 'geographical setting' ia akan menjadi 'latar belakang ilmu alam' ertinya berlainan sekali daripada 'geographic setting' dan ini pula dapat diertikan sebagai 'background of geography'. Jika diterjemahkan kata-kata 'geographical evidence' ia akan menjadi 'bukti-bukti berdasarkan ilmu alam'. Ini agak meleset sedikit. Dengan demikian usaha untuk menjadikan kata-kata 'geographical' kepada 'geografis' bersesuaian sekali dalam perkembangan bahasa Melayu.

Contoh-contoh lain :

geographical setting	:	latarbelakang geografis
anthropological	:	anthropologis
economical	:	ekonomis

Akhiran ' ization'

Kata-kata sains dalam bahasa Inggeris yang berakhiran 'ization' seperti 'neutralization', 'crystallization', 'vapourization', 'magnetization', mendapat penambahan awalan akhiran yang menghasilkan perkataan-perkataan berikut: peneutralan, penghabluran, pengwapapan, pemagnetan.

Akhiran 'ism'

Kadang-kadang akhir kata 'isma' mendapat tempat dalam kata-kata bahasa Melayu untuk mengelolakan bunyi yang bersesuaian dengan sebutan Melayu.

Contohnya :

Communism	:	Komunisme
Socialism	:	Sosialisme
Naturalism	:	Naturalisme
Materialism	:	Materialisme
Montheism	:	Monoteisme
Realism	:	Realisme

Penggunaan Konsonan Gugus

Penggunaan konsonan gugus adalah sesuatu yang asing dalam bahasa Melayu tetapi kini dengan pengaruh bahasa Inggeris penerimaannya agak

diperlukan untuk meninggikan taraf bahasa tersebut. Konsonan gugus ini digunakan pada awal kata, tengah atau akhir kata.

Contohnya :

Pada awal kata :

block	:	blok
drama	:	drama
fragment	:	fragmen
autograph	:	autograf
cricket	:	kriket
clinic	:	klinik

Pada tengah kata :

cytoplasm	:	sitoplasma
mollusc	:	molusks

Pada akhir kata :

text	:	teks
context	:	konteks
contra	:	kontra

Berita Bahasa

SIDANG KE-24 MAJLIS BAHASA INDONESIA MALAYSIA JAKARTA 4-8 NOVEMBER 1985

Suratman Markasan

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENJADI ANGGOTA TETAP DAN SINGAPURA MENJADI PEMERHATI

Dalam sidang ke-24, MBIM yang diadakan di Hotel Wisata Jakarta dari tanggal 4 — 8 November 1985 itu, merupakan satu sidang yang agak unik kerana dalam sidang tersebut, Negara Brunei Darussalam yang telah mengikuti sidang MBIM sejak sidangnya yang ke 19 di Kuala Lumpur pada tanggal 8 — 13 November 1982 sebagai pemerhati (peninjau), telah diterima dengan rasmi menjadi anggota penuh MBIM. Dan dalam sidang ini juga Negara Singapura telah diterima hadir buat kali pertama sebagai pemerhati.

Dalam ucapan pembukaan Yang Mulia Prof Dr. Fuad Hassan, Menteri Pendidikan dan Penerangan, disamping mengalu-alukan keanggotaan penuh Negara Brunei Darussalam, beliau mengharapkan pula supaya dalam waktu mendatang yang tidak lama, Negara Singapura yang telah hadir untuk pertama kali dalam sidang ke-24 ini, akan segera pula menjadi anggota penuh MBIM. Demikian pula Prof. Dr. Anton M. Moeliono, selaku ketua perwakilan Indonesia, dalam ucapan sambutannya juga menerima kemasukan Negara Brunei Darussalam dan kedatangan Negara Singapura dengan sangat gembira. Datuk Haji Hassan Ahmad, selaku ketua perwakilan Negara Malaysia tidak ketinggalan menunjukkan rasa gembiranya terhadap kedua-dua negara yang satu telah menjadi anggota penuh sedang yang satu lagi telah menunjukkan

minatya untuk bermula sebagai pemerhati seperti Negara Brunei Darussalam. Beliau mengharapkan supaya dalam waktu yang tidak lama pula Negara Singapura akan menjadi anggota penuh pula. Yang Berhormat, saudara Wan Hussein Zuhri, ketika membalas ucapan-ucapan sambutan itu, menyatakan bahawa Singapura amat berterima kasih kepada negara-negara Indonesia dan Malaysia yang telah mengizinkan Singapura hadir di dalam sidang ke-24 dan sidang-sidang yang selanjutnya. Beliau menyatakan rasa terima kasihnya atas sambutan hangat dan harapan-harapan supaya Singapura segera menjadi anggota penuh, hal itu akan beliau sampaikan kepada kementerianya nanti.

Sidang MBIM ke-24 ini, telah dipecah kepada enam sidang; iaitu sidang-sidang subpanitia umum; subpanitia fisika; subpanitia kimia; subpanitia biologi; subpanitia matematika/mekanik; dan subpanitia akuntansi/perakaunan. Perwakilan Singapura ketiga-tiganya telah hadir dalam sidang subpanitia umum sahaja, kerana kami berfikir bahawa oleh kerana di Singapura tidak ada lagi keperluan-keperluan istilah mengenai bidang-bidang fisika, kimia, biologi, matematika dan akuntansi dewasa ini, maka ada lebih baik kami menumpukan perhatian kepada sidang subpanitia umum yang membincangkan istilah-istilah umum dan hal hal organisasinya MBIM.

Dalam sidang subpanitia umum ini, selain menerima ketetapan dan meneliti keputusan yang telah dicapai di dalam sidang MBIM ke-23, sidang ini juga telah membincangkan beberapa hal antaranya yang penting adalah : (1) Bersetuju mengubah nama **Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM)** menjadi **Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia** (disingkat **MABBIM**). (2) Majlis menghasilkan sebuah piagam yang akan diajukan kepada pemerintah negara masing-masing untuk disetujui dan diusahakan pengesahannya pada sidang Majlis ke-25. Piagam itu kemudian akan menjadi dasar kerja. Majlis, tentang kerjasama kebahasaan akan dilaksanakan sesuai dengan kemampuan negara masing-masing. (3) Majlis bersetuju untuk menyusun rancangan tata kerja selanjutnya. Konsep itu akan disusun oleh pihak Malaysia dan akan diperbincangkan dalam sidang Majlis ke-25. (4) Majlis bersetuju bahawa pihak Indonesia akan menyampaikan konsep "Kamus Kata dan Ungkapan Umum Bahasa Malaysia-Indonesia" pada sidang Majlis ke-25. Brunei Darussalam akan menyempurnakan naskhah yang telah disusunnya sesuai dengan keputusan sidang Majlis ke-23, iaitu mengutamakan kata yang sama bentuk tetapi berbeda artinya. (5) Majlis bersetuju bahawa pihak Indonesia dan Malaysia akan menyusun kamus ilmu di negara masing-masing. (6) Majlis bersetuju bahawa naskhah "Himpunan Keputusan Sidang Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia I-XXI" yang telah disusun oleh pihak Indonesia menurut jenis keputusan disemak semula. Untuk melengkapinya pihak Malaysia diminta untuk menyemak juga. Keputusan-keputusan sidang ke-22 dan ke-23 supaya dimasukkan juga. Naskhah yang telah diperbaiki itu akan dikirimkan ke In-

donesia dan Brunei Darussalam dalam bulan Mac 68, untuk dipelajari dan ditanggapi sehingga bentuk akhirnya dapat diputuskan dalam sidang Majlis ke-25.

Keputusan-keputusan yang telah dicapai menurut subpanitia adalah seperti berikut. Subpanitia Fisika telah memasukkan ke daftar enteri istilah Optika (Geometri dan Fisika) sebanyak 1393 istilah. Dari Subpanitia Kimia, telah tercatat dalam daftar enterinya sebesar 2269 istilah. Dari Subpanitia Biologi telah didaftar sebesar 3129 enteri pula. Dari Subpanitia Matematika telah terdaftar sebesar 744 enteri, sedang sebanyak 90 enteri masih dibahas lagi. Dari Subpanitia Akuntansi pula telah tersedia sebanyak 3677 istilah, akan tetapi baru sebanyak 2511 istilah yang telah dibahas.

Pada hari terakhir iaitu pada hari Jumaat 8 Nov 1985, sidang pleno dilangsungkan dari jam 9.00 — 11.00. Dalam sidang ini, semua keputusan dari tiap-tiap subpanitia dilaporkan dan sebelum ditutup Majlis telah mengambil keputusan, bahawa sidang Majlis yang ke-25 akan diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Mei 1986.

SINGAPURA DENGAN MABBIM

Haji Muhammad Ariff Ahmad

Kehadiran Singapura di Majlis Kerjasama Kebahasaan Indonesia-Malaysia, pada hakikatnya bukanlah buat pertama kali Singapura meninjau kegiatan bahasa Melayu di daerah ini walaupun dari segi teknikal : memang begitulah halnya.

Sejarah memberitahu kita bahawa semenjak Anglo-Dutch Treaty ditandatangani di Eropah oleh East India Company dan V.O.C. pada 17 Mac 1824, atas dasar kepentingan politik niaga kompeni Inggeris dan kompeni Belanda di daerah kita, maka terpisahlah daerah nusantara ini [kita masuk ke bawah kekuasaan Inggeris dan mereka yang kemudiannya menjadi bangsa Indonesia itu ke bawah kekuasaan Belanda].

Semenjak itu, perkembangan bahasa Melayu di kedua-dua daerah yang terpisah itu berkembang dengan wajar menurut keperluan masing-masing di bawah pengaruh penjajah yang berkuasa. Apabila bahasa Melayu diisytiharkan sebagai bahasa Indonesia pada 28 Oktober 1928, bahasa itu segera berkembang dengan unsur-unsur yang agak asing dengan bahasa Melayu yang berkembang di Malaya (Tanah Melayu, Singapura dan Brunei).

Lepas Perang Dunia Kedua, penjajahan mulai pupus dan politik negara-negara bekas-terjajah mulai berubah. Kesedaran berdikari dan merdeka tumbuh di negara-negara bekas-terjajah itu.

Kongres Persuratan Melayu Malaya [pertama] diadakan di Singapura pada 12 dan 13 April 1952, mengasaskan kegiatan bersama bahasa Melayu dengan slogan bahawa kami tidak mahu negara Malaya yang akan merdeka kelak menjadi negara bisu atau negara yang meminjam bahasa asing untuk berbicara.

Kongres Persuratan Melayu Malaya [kedua] diadakan di Seremban pada 31 Disember 1953 hingga 2 Januari 1954, mengarahkan Asas 50 (Angkatan Sasterawan 50) di Singapura untuk meninjau kemungkinan mengadakan kerjasama dengan badan-badan bahasa di Indonesia. Usaha badan-badan bahasa/sastera di Singapura dan Johor Bahru yang diketuai oleh Asas 50 telah menghantar 5 orang wakil KPMM (Kongres Persuratan Melayu Malaya) ke Kongres Kedua Bahasa Indonesia di Medan pada 28 Oktober — 2 November 1954. Menerusi kongres bahasa di Medan itu, semangat kerjasama kebahasaan Indonesia-Malaya mula disemarakkan.

Kongres Persuratan & Bahasa Melayu Malaya [ketiga] diadakan di Singapura dan Johor Bahru pada 16 — 21 September 1956. KPBMM [3] telah mengundang beberapa orang pakar bahasa Indonesia [termasuk Menteri PPKnya Prof Dr Prijana] turut menyertai kongres itu. Dari KPBMM [3] itulah kerjasama kebahasaan Indonesia-Malaya [yang semangatnya telah disemarakkan semenjak 1954] itu telah diwujudkan; dimulai dengan kerjasama menyekatakan ejaan Rumi bahasa Melayu dan bahasa Indonesia.

Pada bulan Ogos 1957, Persekutuan Tanah Melayu mendapat kemerdekaan dan Singapura diberikan taraf berkerajaan sendiri. Pertadbiran Lembaga Tetap Kongres (LTK) berpecah dua : LTK/PTM didaftarkan di Kuala Lumpur dan LTK/Singapura didaftarkan di bawah ROS Singapore. Bagaimanapun, antara TUJUH orang anggota Jawatankuasa Ejaan Rumi (Malaya) yang telah dilantik untuk berunding dengan Panitia Kerjasama Bahasa bagi pihak Indonesia itu, termasuk TIGA orang dari Singapura, iaitu Encik Buyong Adil (almarhum), Encik Mahmud Ahmad (almarhum) dan Encik Ramli Abdul Hadi (almarhum).

Straits Times tanggal 30 Disember 1959 melaporkan :

The Minister of Culture, Mr S Rajaratnam, said today in the Legislative Assembly that the Government would seek representation on a new Malayan-Indonesian Romanised spelling committee. He was replying to a question by Inche Mohamed Ali bin Alwi [UMNO Kembangan] who sought clarification on the matter.

Mr Rajaratnam said that at the moment there were two Malay members of Radio Singapore sitting on a committee as nominees of the Federation Government.

This fact, to some extent, provided the necessary link between Singapore and the Federation with Indonesia.

The Singapore Government was not in a position to seek representation on the present committee because it was set up as a result of a treaty of friendship between the Federation and Indonesia.

Mr Rajaratnam said it was, therefore, not possible for Singapore to be asked to be represented on this committee.

Perundingan Jawatankuasa Ejaan [JKE/PTM] dengan Panitia Kerjasama Bahasa Indonesia itu telah menghasilkan sistem ejaan MELINDO (Ejaan Melayu-Indonesia) yang dijangka akan mulai digunakan di Malaya dan di Indonesia pada 1 Januari 1954, tetapi apabila Malaya terbentuk menjadi Malaysia pada 16 September 1963 [Singapura menjadi anggota Malaysia; Brunei tidak] Indonesia pun melancarkan konfrantasi terhadap Malaysia. Maka Perjanjian Persahabatan Malaya-Indonesia yang ditandatangani pada 17 April 1959 itu pun terbatal; sekaligus rancangan penggunaan ejaan MELINDO turut gagal.

Apabila perhubungan Malaysia-Indonesia disambung semula dalam tahun 1967, Singapura sudah tidak bersama Malaysia lagi. Singapura telah keluar dari persekutuan Malaysia pada 9 Ogos 1965.

Semenjak merdeka itulah kerjasama kebahasaan Singapura dengan Malaysia dan Indonesia terputus dan tidak ikut sama dalam penubuhan Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia dalam tahun 1972 itu. Bagaimanapun, Singapura tetap mengikuti perkembangan MBIM dari jauh sambil memanfaatkan keputusan-keputusan MBIM [terutama yang mengenai sistem ejaan dan yang mengenai peristilahan] mana-mana yang dirasakan sesuai dengan keperluan Singapura.

Apabila Jawatankuasa Ejaan Rumi Melayu — yang kemudiannya menjadi Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura [JBMS] — ditubuhkan oleh Pemerintah Singapura di bawah riayah Kementerian Kebudayaan [sekarang : di bawah Kementerian Perhubungan dan Penerangan] dalam tahun 1981, perhatian ahli-ahli bahasa dan pengguna bahasa Melayu di sini terhadap MBIM [yang dengan kemasukan Brunei Darussalam menjadi MABBIM] menjadi semakin mendalam.

Singapura telah menghadiri Sidang ke-24 MBIM/MABBIM [sebagai pemerhati] yang diadakan di Jakarta baru-baru ini untuk melihat dari dekat sama ada sesuai atau tidak ia menyertai kegiatan Majlis itu secara aktif.

Kerjasama Malaysia-Indonesia menerusi MBIM telah berjalan selama 12 tahun dan telah mengadakan 24 sidang; tentulah sudah banyak keputusan yang diambil dan dilaksanakan. Masalah penyekataan ejaan [kecuali beberapa ejaan yang masih berbeza] boleh dikatakan sudah selesai. Usaha yang sedang dikerjakan sekarang ialah menyekatakan istilah umum, istilah khusus mengenai pelbagai ilmu dan penyusunan kamus ilmu dasar.

Dalam Sidang ke-24 itu, pihak Brunei Darussalam telah mengemukakan senarai beratus-ratus kekata Melayu yang digunakan sehari-hari dengan gagasan makna yang berlainan oleh orang Brunei, orang Malaysia dan orang Indonesia.

Masalah kita sekarang : setelah menghadiri Sidang ke-24 sebagai pemerhati, apakah Singapura akan terus mengikuti Sidang ke-25 yang akan diadakan di Kuala Lumpur dalam bulan Mei 1986 ini dan seterusnya, untuk meneruskan kerjasama kebahasaannya dengan MABBIM . . . marilah sama-sama kita lihat perkembangannya.

Brunei Darussalam masuk menjadi anggota MABBIM setelah 5 kali mengikuti sidang-sidang MBIM sebagai pemerhati selama dua setengah tahun. Piagam MABBIM telah menawarkan peluang bekerjasama itu secara terbuka; terpulanglah kepada Singapura untuk bertindak atau tidak.

PENGUMUMAN

Kami mempersilakan saudara-saudara mengirim sumbangan esei, pendapat, pengalaman mengajar bahasa, pandangan terhadap sesuatu buku bahasa, pertanyaan bahasa atau hal-hal lain yang sehubungan dengannya kepada kami.

Tulisan-tulisan sebaiknya jika ditaip langkau dua, bagaimanapun tulisan tangan yang mudah dibaca diterima juga.

Tulisan-tulisan tersebut boleh dikirim kepada salah satu daripada dua alamat di bawah ini.

Ketua Editor SEKATA,
67, Toh Tuck Road
Singapura 2159.

atau

Setiausaha Kehormat
Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura,
Kementerian Perhubungan & Penerangan
Dewan Bandaraya
St. Andrew's Road,
Singapore 0617.

PIAGAM MABBIM

Piagam Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM)
(Dokumen Dasar)

I. Mukadimah

Bertitik tolak dari jiwa dan semangat Pernyataan Bersama Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia dan Menteri Pelajaran Malaysia pada tanggal 23 Mei 1972, yang merupakan landasan pembentukan Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) di Kuala Lumpur 29 Disember 1972 dan yang kemudian berkembang menjadi Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) di Jakarta pada 4 November 1985, dan berdasarkan pengalaman Majlis selama ini, serta didorong oleh kesadaran dan tekad untuk memantapkan peranan Majlis dalam usaha pembinaan dan pengembangan bahasa kebangsaan/rasmi-sesuai dengan aspirasi negara anggota — maka Majlis telah bersepakat menyusun suatu piagam dengan tujuan dan fungsi sebagai berikut.

II. Tujuan

1. Meningkatkan semangat kebersamaan dan persaudaraan antara negara anggota.
2. Mengadakan kerjasama kebahasaan, termasuk usaha penyelarasan dalam membina dan mengembangkan bahasa kebangsaan/rasmi negara anggota supaya menjadi bahasa yang setaraf dengan bahasa moden yang lain.
3. Meningkatkan peranan bahasa kebangsaan/rasmi negara anggota sebagai alat perhubungan yang lebih luas.

III. Fungsi

1. Mengusahakan kegiatan kebahasaan melalui perekayasaan bahasa, penulisan ilmiah dan kreatif, serta penerbitan.
2. Mengadakan pertemuan kebahasaan yang mendukung usaha pemodenan bahasa kebangsaan/rasmi negara anggota.
3. Menganjurkan kegiatan yang dapat meningkatkan kelancaran komunikasi masyarakat antara negara anggota.
4. Menghasilkan pedoman dan panduan untuk pembinaan dan pengembangan bahasa kebangsaan/rasmi negara anggota.

Typesetting by: Zazuna Enterprise
Printed by: Al-Ahmadiah Press Pte. Ltd.